

Sinar Rohani

Pembimbing
Ummah

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA / BIL. 82 TAHUN 20 / WWW.ISLAM.GOV.MY ISU 1 / 2017



ISU 1

Aidilfitri
**Bukan Wasilah
kepada Keburukan**



**Jadilah Cermin,
Jangan Jadi Kanta**

PERCUMA

ISSN 1511-1903



9 771511190108



Nikmat Cabaran

Langit yang tadinya cerah
lalu bertukar warna menjadi kelabu
begitu juga dengan matahari
yang meletari langit
umpama buah pinang masak

tiada lagi kedengaran
kicauan burung-burung
riang berterbangan
membelah angkasa nan luas
sebaliknya pulang semula
ke sarang

maka senja pun menjelma
menyambut malam
berakhirlah perjalanan hidup
yang dilalui sepanjang hari ini
esok apabila fajar menyingsing
bermulalah kehidupan yang baru

kita pun melangkah
dan terus melangkah tanpa hentinya
sesungguhnya hidup ini
adalah ibarat satu perjuangan

yang pasti hidup kita
tidak dapat lari
daripada apa yang dikatakan
sebagai cabaran
mungkin sudah menjadi ketentuan
buat kita
bukan hidup namanya
kalau kita tidak
menghadapi cabaran

sememangnya cabaran itu
amat memeritkan
malahan bagi
memikul seketul batu
yang besar lagi berat

namun inilah hakikatnya
sama ada suka ataupun tidak
manis maupun pahit
cabaran harus
kita terima dengan hati
yang penuh terbuka
kerana dengan menghadapi cabaran
akan menjadikan kita
mengenal erti sebenar
kehidupan ini
selain kuat dan tabah

dalam hidup ini
biar kita kalah asalkan jangan
sesekali mengalah
demikianlah kita dalam mengharungi
arus cabaran yang mendatang
kerana kemanisan serta nikmat
akan terasa
apabila kita dapat mengatasinya

Nukilan: Azaika SR

KANDUNGAN




Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan majalah ini dalam segala bentuk dan dengan pelbagai cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah JAKIM.

Sinar Rohani diterbitkan secara online oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bermula tahun 2016/1437H.

Sidang Pengarang berhak melakukan perubahan ke atas karya yang dikirimkan selagi tidak mengubah isi kandungannya. Karya yang telah disiarkan boleh diterbitkan semula dengan syarat mendapat keizinan daripada Ketua Pengarah JAKIM. Semua sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sidang Pengarang juga tidak bertanggungjawab atas kehilangan tulisan yang dikirim melalui pos atau e-mel.

Artikel yang disiarkan dalam majalah ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dasar JAKIM. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

- | | | | |
|-----------|--|-----------|--|
| 1 | Sajak/Puisi
Nikmat Cabaran | 19 | Ziarah Masjid di
Malaysia
Wilayah Persekutuan |
| 2 | Laman Pengarang
Keceriaan Aidilfitri | 25 | Sains dan Islam
Penciptaan Adam AS |
| 3 | Pengurusan Islam
Boros VS Syawal | 29 | Cerpen
Apa Salah Aku?
Kerana Terhimpit
Aku Merempit |
| 6 | Aqidah
Terapi Solat | 33 | Global
Toleransi dalam
Beragama |
| 9 | Isu
Aidilfitri Bukan
Wasilah kepada
Keburukan | 36 | Muamat
Ada Apa dengan
Sedekah? |
| 12 | Islam dan Semasa
Jadilah Cermin,
Jangan Jadi Kanta | 40 | Sinar Jumaat
Hargai Diri dengan
Menghargai Alam |
| 15 | Halal dan Haram
Halal Haram Ruqyah
dalam Pengubatan
Islam | | |





Keceriaan Aidilfitri

Aidilfitri disambut dengan penuh keceriaan. Lambang kejayaan umat Islam berpuasa selama sebulan pada bulan Ramadhan. Keterujaan menyambut kedatangan **1 Syawal** amat dirasai dan dihayati oleh seluruh umat Islam. Pada pagi Aidilfitri umat Islam disunatkan menunaikan solat Hari Raya Aidilfitri sebagai lambang kesyukuran ke hadrat Allah SWT.

Huluran tangan sebagai tanda “memohon kemaafan” merupakan amalan murni yang perlu diteruskan dalam kehidupan. Amalan kunjung mengunjung bagi mengeratkan hubungan silaturahim merupakan antara program utama pada hari tersebut. Rutin kehidupan yang sentiasa sibuk “perlu dilupakan seketika.” Tiada guna harta yang banyak sekiranya hubungan sesama insan diketepikan. Pada Hari Raya Aidilfitri ini sama-sama kita merebut peluang untuk bertemu dan memperteguhkan ikatan kekeluargaan. Berkunjung ke rumah teman-teman untuk bertanya khabar dan sebagainya. Pelbagai juadah yang disediakan memeriahkan lagi keceriaan menyambut Aidilfitri. Namun perlu diingat, jangan sesekali makan berlebihan hingga menjaskan kesihatan.

Salam hormat. **SR**

Pengarang

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha
(Ketua Pengarah JAKIM)

PENASIHAT

Datuk Haji Zainal Abidin bin Jaffar
(Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan
Insan JAKIM)

KETUA PENGARANG

Zainab binti Ab Rahman

PENGARANG

Nor Hashimah binti Embong

PENOLONG PENGARANG

Azura binti Ibrahim

PENYUNTING

Baharuddin bin Malek
Wan Nadzirah binti Wan Mohamad
Nor Simah binti Khalim
Siti Kasmah binti Kassim

PENGURUS EDARAN

Mohd Rashidi bin Mohd Jamil

PEMBANTU EDARAN

Erniza binti Mat Kassim
Mohd Shuhaidil bin Shukri

REKABENTUK

ZAZ Alliance

EMEL

sinar.islam@1govuc.gov.my

Bōrōs VS Syawal

MOHAMAD FADZIL AWANG

Mahasiswa Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)

Ramadhan semakin hari semakin melabuhkan tirainya, debaran Syawal semakin mula dirasai oleh seluruh umat Islam. Pada bulan Syawal juga seluruh umat Islam akan menyambut Hari Raya Aidilfitri tanda selesainya mengerjakan ibadah puasa yang diwajibkan selama sebulan pada bulan Ramadhan. Secara tersiratnya, Aidilfitri adalah lambang kemenangan umat Islam yang telah berjaya mendidik serta menundukkan hawa nafsunya daripada menguasai jiwanya.

Persoalan yang timbul, sejauh mana keberhasilan pendidikan Ramadhan yang telah kita lalui berjaya dalam mendidik jiwa daripada bersikap boros atau membazir ketika menyambut Syawal? Hakikatnya, tidak ramai antara kita yang berjaya mendidik jiwa serta menundukkan hawa nafsunya daripada melakukan perbuatan boros atau membazir selepas Ramadhan. Sebaliknya masih ramai yang gagal untuk mengawal hawa nafsunya walaupun telah sebulan melalui proses mendidik jiwa. Firman Allah SWT yang bermaksud: **"Tiadalah aku berani membersihkan diriku; Sesungguhnya nafsu manusia itu amat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang yang telah diberi rahmat oleh Tuahanku (maka terselamatlah dia daripada hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuahanku Maha Pengampun, lagi Maha Pengasih."** (Yusuf: 53).

Kelazimannya seluruh umat Islam menyambut Aidilfitri pada bulan Syawal dengan penuh kegembiraan. Lebih ketara apabila umat

Islam kelihatan memakai pakaian yang baru, khususnya di negara kita bagi Muslim kelihatan segak lagi bergaya dengan mengenakan baju Melayu manakala Muslimah pula kelihatan cantik lagi ayu dengan mengenakan baju kurung yang baru. Begitulah suasana hari raya kelihatan kesemuanya serba baru dan indah dilihat.

Perlu kita fahami bahawa Islam tidak melarang umatnya untuk berhias atau berbelanja membeli pakaian baru sempena meraikan perayaan Aidilfitri dengan syarat pakaian yang hendak dipakai seharusnya menepati syariat Islam iaitu menutup aurat. Tidak salah untuk kita berpakaian mengikut perkembangan terkini tetapi syarat menutup aurat perlu diutamakan terlebih dahulu sama ada lelaki mahupun perempuan. Firman Allah SWT yang bermaksud: **"Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih**



sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik), maka dengan itu mereka tidak diganggu. (Ingatlah), Allah Maha Pengampun, lagi Maha Pengasih.”

(al-Ahzab: 59).

Realitinya, segelintir masyarakat hari ini dilihat boros dalam perbelanjaan untuk menyambut perayaan Aidilfitri. Mari kita perhatikan, apabila tiba Hari Raya Aidilfitri semua orang menginginkan baju baru, perabot baru malah ada juga yang menginginkan kereta baru. Sebenarnya tidak salah untuk kita membeli barang-barangan baru seperti perabot rumah tetapi biarlah sesuai dengan keperluan serta bajet yang kita rancang. Islam amat menitikberatkan kesederhanaan dalam menyambut Aidilfitri dan bukannya berbelanja secara boros. Firman Allah SWT yang bermaksud: *“Mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiada melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu.”*

(al-Furqan: 67).

Selaku Muslim yang bijak, seharusnya kita mengutamakan terlebih dahulu keperluan sebelum kehendak kerana itu adalah salah satu cara terbaik dalam mengawal sikap boros. Sebagai contoh, kita berkeinginan untuk membeli sebuah kereta baru sempena menyambut Aidilfitri, sedangkan kita sememangnya sudah memiliki sebuah kereta yang masih elok untuk digunakan. ***“Mengapa kita perlu membeli lagi kereta baru sedangkan kita sudah memilikinya?”*** ***“Bukankah itu salah satu perbuatan boros?”*** Firman Allah SWT Yang bermaksud: ***“Berikanlah kepada kerabatmu, orang miskin serta orang musafir haknya masing-masing. Janganlah engkau membelanjakan hartamu secara boros yang melampau. Sesungguhnya orang yang boros itu adalah saudara syaitan, sedangkan syaitan itu pula adalah makhluk yang amat kufur kepada Tuhanmu.”*** (al-Isra` : 26-27).

Seandainya kita tunduk kepada kemahuan hawa nafsu sudah pasti akan mendatangkan bencana tanpa kita sedari seperti berlakunya lebih dalam berbelanja. Apabila berlaku lebih dalam perbelanjaan berkemungkinan besar akan mengakibatkan kita terdesak ekoran kesempitan kewangan dan itulah titik permulaan untuk kita berhutang. Sedar atau tidak perbuatan berhutang ini akan memberikan lagi tekanan kepada kita kerana terdesak mencari sumber untuk melangsangkan hutang. Firman Allah SWT yang bermaksud: ***“Maka (dapatlah masing-masing mengetahui kesudahannya); adapun orang yang melampaui (perbuatan derhakanya), serta dia mengutamakan kehidupan dunia semata-mata. Sesungguhnya neraka Jahim tempat kediamannya. Adapun orang yang dalam keadaan takut semasa dia berdiri di Mahkamah Tuhan-Nya (untuk dihitung amalnya), serta dia menahan dirinya daripada menurut hawa nafsu...”*** (an-Nazi`at :37-40).



Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:
"Sesiapa yang meninggal dunia dalam keadaan menanggung hutang satu dinar atau satu dirham, maka dibayarkan (dengan diambilkan) daripada kebaikannya, kerana di sana tidak ada lagi dinar dan tidak pula dirham."

(Riwayat Ibn Majah)


Sebelum Aidilfitri yang lazimnya kita sambut dengan kegembiraan bertukar angin menjadi kemurungan kerana memikirkan lebih perbelanjaan dan hutang keliling pinggang. Seeloknya kita mengutamakan keperluan terlebih dahulu sebelum kehendak agar tidak berlaku lebih perbelanjaan. Barang yang masih elok dan masih boleh digunakan seperti perabot rumah tidak perlu untuk kita menggantikannya dengan yang baru. Gunakanlah ia sehingga rosak barulah kita menggantikan dengan yang baru. Firman Allah SWT yang bermaksud: ***"(Ingatlah), ketika Tuhan kamu memberitahu: Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur, nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu. Demi sesungguhnya! Jika kamu kufur ingkar, sesungguhnya azab-Ku amat keras."*** (Ibrahim: 7).

Ingartlah, jangan kerana malu hinaan orang lain, kita sanggup berhutang. Bersyukurlah kita dapat menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan

segala nikmat harta, kekayaan, kesejahteraan dan kegembiraan kurniaan Allah SWT kepada kita. Fikirkanlah bagaimana nasib saudara kita di tanah Palestin menyambut Aidilfitri. ***"Apakah mereka menyambutnya dengan perasaan gembira atau penuh dengan kesedihan?"*** Akhir kata, rancanglah terlebih dahulu sebelum berbelanja dan elakkan sikap boros dalam berbelanja. Firman Allah SWT yang bermaksud: ***"Kalaullah Allah memewahkan rezeki bagi setiap hamba-Nya, nescaya mereka akan melampaui batas di bumi (dengan perbuatan liar durjana); tetapi Allah menurunkan (rezeki-Nya itu) menurut kadar yang tertentu sebagaimana yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Dia Mengetahui dengan mendalam terhadap segala keadaan hamba-Nya, lagi Melihat dengan nyata."*** (asy-Syura: 27). SR



Terapi Solat



HASLINDA LUKMAN

Penolong Pengarah Kanan,
Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, JAKIM

*“Mohonlah pertolongan
Allah SWT dengan cara
solat dan sabar”*

Firman Allah SWT yang bermaksud: *“Wahai sekalian orang yang beriman! Mintalah pertolongan untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan dengan bersabar dan (mengerjakan) solat kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang yang sabar.”* (al-Baqarah :153).

Masa yang berlalu pada zaman moden berlari dengan pantas, seiring dengan itu juga manusia sentiasa berada dalam kitaran masa yang pantas. Manusia yang lambat maka tertinggal di belakang. Kepantasan manusia mengejar kebendaan mencetuskan tekanan hidup. Manusia yang positif dan sihat jiwa akan dapat mengatasi dengan cara yang benar iaitu dengan berpegang aqidah yang benar. Namun ramai juga yang kecundang apabila mereka semakin jauh dari agama dan seringkali mengabaikan tuntutan agama contohnya solat yang merupakan tiang agama. Tanpa solat

tiada bezanya seorang Muslim dengan si kafir. Oleh itu, tunaikanlah solat sebagai manifestasi kehambaan dan kesyukuran selain membantu membangunkan jiwa manusia.

Tujuan Solat

Solat bertujuan untuk membersihkan, menguatkan, melapangkan, menyegarkan dan memberi ketenangan kepada hati. Pada waktu solat terdapat hubungan langsung antara hamba dengan Tuhannya. Seluruh anggota mempunyai peranan ketika pelaksanaan solat, tubuh manusia membina kekuatan melalui solat. Hamba menjadi dekat dengan Tuhan ketika solat. Menerusi solat mencegah manusia dari melakukan maksiat kerana maksiat hanya menyebabkan manusia menjadi lemah.

Kepentingan dan Kelebihan Solat

Kepentingan dan kelebihan solat menurut al-Qur'an boleh dilihat menerusi:

- Mencegah dari perkara keji dan mungkar.
Firman Allah SWT yang bermaksud: ***"Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) segala yang diwahyukan kepadamu daripada al-Qur'an dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah perbuatan keji dan mungkar..."*** (al-Ankabut : 45).
- Orang yang berjaya ialah yang menjaga solat.
Firman Allah SWT yang bermaksud: ***"Sesungguhnya berjayalah orang yang beriman. Iaitu mereka yang khusyuk dalam sembahyangnya. Mereka yang menjauhkan diri daripada perbuatan dan perkataan yg sia-sia. Mereka yang berusaha membersihkan hartanya (dengan menunaikan zakat harta itu). Mereka yang menjaga kehormatannya; kecuali kepada isterinya atau hamba sahayanya, sesungguhnya mereka tidak tercela."*** (al-Mukminun :1-6).
- Ketenangan diperoleh menerusi solat.
Firman Allah SWT yang bermaksud: ***"Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah. Apabila dia ditimpa kesusahan, dia sangat resah gelisah. Apabila dia beroleh kesenangan, diasangatbakhil kedekut; Kecuali orang yang mengerjakan sembahyang; iaitu mereka yang tetap mengerjakan sembahyangnya."*** (al-Ma'arij : 19-23).

- Dosa digugurkan.

Abu Zar berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: ***"Suatu ketika Rasulullah SAW keluar pada musim sejuk semasa daun-daun gugur, lantas Baginda SAW memegang dahan daripada sebatang pokok maka daun-daun tersebut mulai gugur dengan lebat dari dahan tersebut."*** Baginda SAW bersabda: "Wahai Abu Zar! Saya menyahut; "Saya, Ya Rasulullah." Kemudian Baginda bersabda :***"Apabila seseorang Islam menunaikan solat untuk mendapat keredhaan Allah SWT dosanya gugur sebagaimana gugurnya daun-daun ini dari pokok."*** (Riwayat Imam Ahmad).

- Bersih diri.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: ***"Jika sebatang anak sungai mengalir di hadapan pintu rumah salah seorang daripada kamu dan dia mandi dalam sungai itu sebanyak lima kali sehari, pada pendapat kamu masih adakah lagi kekotoran?"*** Para sahabat menjawab: "Tidak akan tertinggal sedikit pun kekotoran." Rasulullah SAW bersabda: "Maka demikian juga solat lima waktu, melalui solat Allah SWT akan mengampunkan dosa." (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Pandangan Ulama' Kelebihan Solat

- Melahirkan kebahagiaan.

Solat biasanya menghasilkan kebahagiaan dan kepuasan dalam fikiran. Solat menyingkirkan perasaan gelisah dan memadamkan api kemarahan. Solat menambahkan kecintaan terhadap kebenaran dan menambahkan kerendahan hati kepada manusia. Solat dapat



menjadi penawar tekanan kerana melaluiinya muncul kualiti diri yang positif seperti kesabaran, daya tahan dan keteguhan hati ketika menghadapi cabaran hidup

● Solat sebagai penyembuh.

Solat turut berfungsi sebagai penyembuh penyakit. Menurut kajian sains dari sudut fizikal solat juga mampu mencegah penyakit jantung. *Bagaimakah solat mampu memelihara jantung kita?* Kita semua maklum bahawa jantung selamanya bertugas untuk mengepam darah dan mengedarkan ke seluruh tubuh badan. Antara pekerjaan jantung yang paling sulit ialah mengedarkan darah ke kepala kerana kedudukan kepala adalah berlawanan dengan tarikan graviti bumi.

Ketika seseorang itu mendirikan solat terutamanya ketika sujud, jantung akan mudah mengalirkan darah ke otak, mata, hidung, telinga dan lainnya kerana untuk sementara waktu kedudukan bahagian kepala berada lebih bawah daripada jantung. Sujud yang lama akan memudahkan jantung dan melancarkan kerjanya. Keadaan posisi jantung berada di atas dan kepala di bawah hanya berlaku ketika seseorang itu melakukan sujud dalam ibadah solat. Dalam keadaan lain, contoh: Berbaring, duduk atau tidur posisi jantung masih berada di kedudukan paling bawah. Ertinya jantung tetap memerlukan tenaga yang banyak untuk mengedarkan darah ke seluruh anggota badan termasuk otak. Jantung sentiasa bekerja kuat dan stres.

Dalam keadaan sujud, jantung bekerja seolah-olah kenderaan yang bergerak ke arah jalan yang menurun. Pada posisi ini darah dapat berjalan cepat dan dipam dengan baik. Oleh yang demikian, aliran darah semakin cepat mengalir dan berkumpul di pembuluh darah besar atau aorta. Ketika bangkit dari sujud, darah yang tadinya berada di aorta akan mengaliri pembuluh-pembuluh darah ke seluruh tubuh.

Posisi sujud juga membantu paru-paru untuk melakukan pengaliran oksigen pada tubuh dan membuang karbon dioksida. Sujud juga membantu pengedaran darah dari jantung ke paru-paru dan sebaliknya. Pada saat sujud, beban kerja jantung agak berkurang. Ertinya, jantung akan beristirehat dan hal ini akan mengurangkan serangan jantung secara mendadak. Antara solat sunat yang wajar dilakukan iaitu:

Solat Sunat Tahajjud

Tahajjud bermakna meninggalkan tidur, ia dilaksanakan pada waktu malam selepas tidur sebentar. Antara hikmah Tahajjud:

- ✿ Mendapat kedudukan terpuji di sisi Allah SWT.
- ✿ Dikenali sebagai orang soleh dari segi perlakuan dan keperibadian.
- ✿ Jiwa tenang dan berilmu.
- ✿ Mudah urusan hidupnya.

Kesimpulan:

Solat memainkan peranan penting dalam hidup Muslim. Kebahagiaan dan kejayaan dunia dan akhirat juga bergantung kepada ketaatan hamba dalam melaksanakan segala suruhan Allah SWT. SR

Aidilfitri

Bukan Wasilah kepada Keburukan

SURI NOR ERZA SAIDIN

Mahasiswi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

I*Syawal* merupakan hari kebahagiaan dan kemenangan bagi seluruh umat Islam di seluruh pelusuk dunia tanpa mengira kaum. Hari tersebut merupakan Hari Raya Aidilfitri atau dikenali juga Hari Raya Puasa. Nama Hari Raya Aidilfitri berasal daripada bahasa Arab iaitu *Ayd al-Fitr*. Perayaan ini akan disambut dengan meriahnya tanpa rasa kehampaan dan kekecewaan dalam hati. Ia juga akan diraikan selama sebulan pada bulan Syawal.

Begitupun, keghairahan perayaan itu menjadikan kita terlupa seketika terhadap adab-adab dan hukum yang disyariatkan ketika menyambut kedatangan Hari Raya Aidilfitri. Kita perlu peka dengan keadaan sebegini ketika menyambut keriangan hari raya.

Berlebih-lebihan

Akibat terlalu berkehendakkan kesempurnaan dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri, kita seakan-akan terlupa sehingga gaji sebulan mampu dihabiskan dalam masa sehari. Kita tidak perlu untuk bermegah-megah ketika menyambut hari raya. Sudah mencukupi sekadar ‘ala kadar’ mengikut kemampuan kita sendiri dalam menyediakan persediaan hari raya. Firman

Allah SWT yang bermaksud: “...*Janganlah engkau membelanjakan hartamu secara boros yang melampau. Sesungguhnya orang yang boros itu adalah saudara syaitan....*” (al-Isra’ :26-27). Demikian larangan Allah SWT supaya kita tidak berlebihan dalam semua perkara.

Umat Islam dituntut supaya bersederhana dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri selari dengan ajaran Islam. Selain itu, sama-sama kita merenung sejenak nasib rakyat di Palestin, Syria, Iraq serta Somalia dan masyarakat Muslim seluruh dunia. Begitu juga pelarian dan pengemis yang menyambut Aidilfitri dalam suasana ketakutan, curiga, serta tidak cukup untuk menampung kehidupan sehariannya mereka. Dalam suasana kita bersenang-lenang, kita juga harus memikir dan mengingati insan yang tidak senasib dengan kita.

Selain itu, dalam keriangan menyambut hari raya, kita semestinya memerlukan kesihatan tubuh badan yang unggul. Kita juga tidak mahu kesakitan yang boleh memudaratkan kesihatan. Pada hari raya ini pula akan terhidangnya pelbagai makanan khas dan wajib seperti ketupat, rendang, nasi impit, kuah kacang, kuih-muih dan sebagainya. Sudah menjadi



kelaziman bagi tuan rumah untuk menghidangkan aneka makanan untuk para tetamu dan sanak saudara yang bertandang ke rumah. Dalam keseronokan itu, satu persatu jenis makanan akan dicuba. Kita akan makan sehingga perbuatan tersebut boleh memudaratkan. Perlu diingat, kita sebagai tetamu harus mengawal pengambilan makanan yang mungkin boleh menjelaskan kesihatan tubuh badan lebih-lebih lagi bagi penghidap diabetes.

Menurut **perunding pemakanan Hospital Pantai Ampang, Faznim Fazil** berkata: ***"Bulan puasa menjadi bulan terbaik bagi pesakit-pesakit diabetes mengawal gula dalam darah kerana hanya mengambil hidangan pada waktu sahur dan malam. Namun, keadaan bertukar sebaliknya pada Hari Raya apabila kebanyakan penghidap diabetes gagal melakukan pengurusan diabetes yang sepatutnya, sekali gus mengundang kepada pelbagai komplikasi."***

Hal ini berlaku disebabkan individu tersebut tidak mampu untuk mengawal pengambilan makanan pada hari raya tersebut. Bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud: ***"...dan makanlah serta dan minumlah. Jangan pula kamu melampaui-lampaui. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang melampaui batas."*** (al-A'raf: 31). Demikian dalil al-Qur'an tentang larangan pengambilan makan dan minum yang berlebihan. Bulan Syawal adalah bulan untuk kita bersuka ria, bukan pula bulan untuk kita menempah pelbagai penyakit.

Pada Hari Raya, Rasulullah SAW akan mengambil kurma dengan bilangan yang ganjil iaitu tiga, lima atau tujuh sebelum Baginda SAW pergi mengerjakan solat sunat hari raya. Kita juga disunatkan makan dahulu sebelum mengerjakan solat sunat tersebut sebagai tanda kita tidak berpuasa pada satu Syawal. Hal ini juga tidak bermaksud kita harus melebihkan kuantiti

makanan pada pagi hari raya.

Syariat ditelan keriangan

Ketika asyik menyambut Hari raya Aidilfitri juga dikenali sebagai hari bermaaf-maafan. Slogan atau ucapan *"Selamat Hari Raya Maaf Zahir dan Batin"* telah sebatи digunakan sehingga sekarang. Itulah kekuatan hari raya ini. Segala salah dan silap akan dipohon kemaafan dari hujung rambut sehingga hujung kaki serta salah dan silap yang zahir ataupun batin. Sesi bermaafan-maafan berlaku seiring dengan berjabat tangan. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud ***"Tidaklah dua orang Muslim saling bertemu, kemudian berjabat tangan, kecuali diampuni(dosa-dosa) mereka berdua sebelum mereka berpisah"*** (Riwayat Abu Daud dan at-Tirmizi). Hal ini sudah jelas kebaikannya. ***"Bagaimana pula jika lelaki berjabat tangan dengan perempuan yang bukan mahramnya?"*** Kesudahannya, hal ini menyebabkan pergaulan antara lelaki





dan perempuan itu tidak terjaga. Syariat dan hukum-hakam agama Islam juga diabaikan. Ketika seronok bermaaf-maafan, perempuan dan lelaki yang bukan mahram berjabat tangan sebagai tanda meminta maaf. **"Adakah itu sewajarnya dilakukan?" "Hari Raya Aidilfitri yang mulia dicampuradukkan dengan perkara sebegitu?"** Rasulullah SAW juga tidak pernah memberi contoh berjabat tangan dengan perempuan yang bukan mahram. Malahan Baginda SAW mengharamkan seorang lelaki dan perempuan yang tidak halal bagi mereka saling bersentuhan. Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud: **"Kepala salah seorang ditusuk dengan jarum dari besi itu lebih baik baginya daripada menyentuh wanita yang tidak halal baginya."** (Riwayat at-Tabrani). Hadith tersebut menguatkan lagi pengharaman berkaitan berjabat tangan bagi yang bukan mahram.

Ketika sedang asyik berhias diri pada pagi raya, kita kadangkala terlupa syariat pemakaian yang dituntut dalam Islam. Manusia secara fitrahnya amat menyukai sesuatu yang cantik, indah dan kemas termasuk penampilan keperibadian yang baik. Begitu juga dengan

Allah SWT yang menyukai keindahan. Selaras dengan itu, Islam telah mengatur adab berhias diri sebagai panduan umatnya, merangkumi anggota fizikal, berpakaian, memakai bau-bauan, memakai perhiasan seperti emas, perak, batu permata dan sebagainya bertujuan supaya kelihatan lebih cantik dan menarik. Tetapi tidak perlu kita berlebihan sehingga boleh melampaui batas syariat. Cara perhiasan dan pemakaian yang tidak mengikut syariat seperti berbaju ketat dan sendat sehingga boleh menampakkan bentuk tubuh badan. Ini juga akan menimbulkan pelbagai fitnah dunia. Sudah memadai sekiranya suami kita sendiri yang melihatnya dan tidak perlu kita menayangkannya kepada lelaki lain. Firman Allah SWT yang bermaksud: **"..Janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak mereka atau anak tiri mereka, atau saudara mereka, atau anak bagi saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara mereka yang perempuan..."** (an-Nur :31).

Demikian perbuatan dilarang yang sering kita lakukan pada hari raya tanpa kita sedar. Kita menganggap hari raya itu sebagai hari untuk kita melepaskan kesemuanya tanpa kita menyedari dan memandang baik atau buruk sesuatu itu. Hari raya adalah hari kemenangan dan ia merupakan hari yang mulia. Kita sebagai umat Islam perlu menjaganya, bukan pula mengotorinya. **SR**



Jadilah Cermin, Jangan Jadi Kanta

MOHAMAD FADZIL AWANG

Mahasiswa Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)

“Rambut sama hitam, tetapi dalam hati lain-lain” kata-kata yang biasa kita dengari dalam kehidupan sosial bermasyarakat. Di sebalik kata-kata ini, *“Apakah maksud sebenar yang cuba disampaikan?.”* Walaupun kita semua memiliki rambut yang sama warnanya, tetapi masih terdapat perbezaan yang ketara pada isi hati kita. Sememangnya benar kita tidak mampu melihat apa yang ada dalam hati orang, tetapi kita mampu melihat isi hatinya itu dengan penonjolan sikapnya kepada kita.

Perumpamaan sikap kanta yang dimaksudkan ialah adanya sikap segelintir masyarakat kita yang hobinya suka mencari kesalahan dan sering menyalahkan orang lain apabila berlakunya kesilapan. Namun, hakikatnya kesilapan yang berlaku itu sebenarnya berpunca daripada dirinya sendiri tetapi enggan mengakui kesilapannya itu, sebaliknya turut pula menuding jari kepada orang lain. Firman Allah SWT yang bermaksud: *“Wahai orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian daripada sangkaan itu adalah dosa. Janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang. Janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat), maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah Penerima Taubat, lagi Maha Pengasih.”* (al-Hujurat : 12).


mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang. Janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat), maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah Penerima Taubat, lagi Maha Pengasih.” (al-Hujurat : 12).

Contohnya dapat kita lihat dalam filem Melayu bertajuk “Anak Mami” yang menampilkan watak combi yang suka membawa mulut dan menyebarkan berita fitnah kepada masyarakat akhirnya membawa kerosakan kepada dirinya sendiri. Sikap “combi” seumpama kanta itu telah membawa dirinya ke dalam jerat yang dibinanya sendiri. Cerita ini sebenarnya hakikat yang berlaku dalam sosial masyarakat Melayu. Islam amat menegah umatnya mengamalkan sikap sedemikian kerana sikap sebegini boleh mengundang kesan negatif dalam kehidupan masyarakat misalnya penyebaran berita fitnah, sikap enggan mengaku kesalahan dan sikap enggan memohon maaf di atas kesalahannya.

Jika sikap ini terus diamalkan dalam kehidupan bermasyarakat, sudah pasti bencana perpecahan akan berlaku sekali gus tanpa disedari sifat bekerjasama semakin terhapus. Firman Allah SWT yang bermaksud: **“Berpegang teguhlah kamu sekalian dengan tali Allah**

(agama Islam) dan janganlah kamu bercerai-berai. Kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan antara kamu (sehingga kamu bersatu padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang Islam yang bersaudara.” (ali-‘Imran :103).

Dalam usaha kita mengekalkan kehidupan yang aman dan harmoni, seharusnya kita perlu menghakis pengamalan sikap kanta dalam diri individu, keluarga, seterusnya masyarakat agar kesejahteraan yang terbina dapat dikekalkan. Janganlah kita hancur kesejahteraan dan keamanan yang terbina ini disebabkan sikap kanta tidak berguna lagi seperti pepatah Melayu menyebut “ibarat nasi sudah menjadi bubur.”





Sebagai seorang Muslim yang taat kepada perintah agamanya, kita seharusnya memiliki sikap seperti cermin dalam diri kita. Perumpamaan sikap cermin ialah orang yang suka bermuhasabah diri, mengaku kesilapan yang dilakukan, tidak suka mencari kesalahan orang lain dan suka memaafkan kesalahan orang lain seperti firman Allah SWT yang bermaksud: ***"(Jika kamu hendak membalaas maka) balasan sesuatu kejahatan ialah kejahatan yang bersamaan dengannya; dalam pada itu sesiapa yang memaafkan (kejahatan orang) dan berbuat baik (kepadanya), maka pahalanya tetap dijamin oleh Allah dengan diberi balasan yang sebaik-baiknya. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berlaku zalim."***

(asy-Syura : 40).

Islam mengajar umatnya mengamalkan sikap muhasabah diri agar segala amalan kita terhindar daripada sikap seperti kanta. Muhasabah diri itu perlu dalam diri setiap Muslim kerana dengan sikap ini kita akan mengetahui aib dan kelemahan yang ada pada diri sendiri. Sikap ini juga akan membentuk jiwa yang kental dan mudah memaafkan orang lain kerana kita sedar bahawa setiap orang juga pernah melakukan kesilapan dan dengan kesilapan itu bukan bermaksud kita perlu menghukum sebaliknya kita perlu memaafkan dirinya.

Sekiranya sikap seumpama cermin berjaya diterapkan dalam diri individu, keluarga dan masyarakat, sudah pasti sikap seumpama kanta akan terhakis secara langsung. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: ***"Orang yang pandai adalah yang menghisab (muhasabah) dirinya sendiri serta beramal untuk kehidupan sesudah kematian. Sedangkan orang yang lemah adalah yang dirinya mengikuti hawa nafsunya serta berangan-angan terhadap Allah SWT."*** (Riwayat at-Tirmizi).

Ketahuilah, sikap seumpama cermin akan membawa kita kepada kebahagian dunia dan akhirat. Melalui pengamalan sikap ini juga akan terhindarnya bencana-bencana daripada sikap manusia sendiri yang rakus seperti perbuatan fitnah, perbalahan dan perpecahan yang membawa kepada kehancuran kehidupan bermasyarakat. Demi menghargai kurniaan keamanan, umat manusia seharusnya mengelakkan diri daripada berlakunya persengketaan atau salah faham agar terus menikmati kurniaan keamanan yang diberikan oleh Allah SWT.

Sesungguhnya Allah SWT Maha Melihat segala perbuatan yang kita lakukan dan Allah SWT Maha Mengetahui segala perasaan yang tersembunyi di lubuk hati kita. Firman Allah SWT yang bermaksud: ***"Ketahuilah! Sesungguhnya Allah jualah yang menguasai segala yang ada di langit dan di bumi. Sesungguhnya Dia mengetahui keadaan kamu (wahai umat manusia) dan pada hari umat manusia itu kembali kepada-Nya, maka Dia akan menerangkan kepada mereka segala yang dikerjakan oleh mereka, kerana sesungguhnya Allah Maha Mengetahui akan setiap sesuatu."*** (an-Nur : 64).

Kesimpulannya, sebagai seorang Muslim yang patuh kepada agama seharusnya menghindarkan diri daripada sikap atau perbuatan yang melalaikan dan merugikan kita. Janganlah kita suka menuding jari kepada orang lain dan janganlah kita bersikap suka menuduh pada yang tiada kebenarannya. Sentiasalah kita bermuhasabah diri agar kita tidak lupa bahawa tidak ada manusia yang sempurna di sisi Allah SWT melainkan Rasulullah SAW. Jadilah cermin, jangan jadi kanta dalam kehidupan sehari-hari. SR

Halal Haram

dalam Pengubatan

Islam

Ruqyah

HASLINDA LUKMAN

Penolong Pengarah Kanan,

Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, JAKIM

Bidang perubatan Islam mempunyai matlamat untuk melahirkan individu yang bersih jiwa, sihat pemikiran dan mantap tubuh badannya untuk tujuan beribadah kepada Allah SWT. Perubatan Islam menumpukan kepada aspek fizikal dan mental. Menurut kajian **Nurdeng Deuraseh** (2013), sejarah pengubatan *ruqyah* merupakan perubatan yang paling tua di muka bumi dan terus berkembang sehingga zaman kini. Sebelum kedatangan Islam, masyarakat Arab jahiliyah telah mengamalkan jampi atau mantera iaitu bacaan-bacaan yang digunakan dalam bentuk memuja dan meminta pertolongan daripada jin dan syaitan. Selepas kedatangan Islam, seorang sahabat yang bernama Auf bin Malik al-Asjaiy bertanya kepada Nabi SAW berkaitan *ruqyah* atau mantera yang telah mereka lakukan pada zaman jahiliyah dahulu sama ada masih boleh diamalkan setelah kedatangan Islam. Rasulullah SAW menjelaskan bahawa diharuskan *ruqyah* dengan syarat tidak sampai ke tahap mensyirikkan Allah SWT.

Perkara ini disokong oleh **Ibn Qayyim al-Jauziyyah** dalam kitabnya “*At-Tibb an-Nabawiy*” dan **Imam as-Suyuti** yang menyatakan bahawa pengubatan menggunakan bacaan *ruqyah* dengan bersumberkan al-Qur'an dan as-Sunnah adalah sistem pengubatan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW selain dua kaedah iaitu pengubatan dengan ubat sahaja atau pengubatan yang menggabungkan *ruqyah* dan ubat.

Menerusi hadith riwayat Muslim dalam “*Kitab Salam*” terdapat banyak hadith-hadith yang mengharuskan penggunaan *ruqyah* dalam mengubat, antaranya ialah cerita daripada Abu Said al-Khudri berkaitan sekumpulan sahabat Rasulullah SAW yang telah mengubat seorang ketua kampung yang mengalami bisa disengat kala jengking dengan menggunakan *ruqyah* surah al-Fatihah. Hasilnya orang yang diubati telah sembuh dan mereka memaklumkan perkara itu kepada Rasulullah SAW dan Baginda SAW membenarkannya. Rasulullah SAW meruqyah ahli keluarganya dengan surah-surah *al-mu'awwidzat* dan doa dengan dibacakan



ke tempat yang sakit atau diusapkan. Antara penyakit yang diruqyah yang dibicarakan dalam hadith juga ialah demam, kudis, bisul dan luka.

Rasulullah SAW juga pernah menggunakan *ruqyah* untuk menyembuhkan penyakit para sahabat, cucu dan ahli keluarganya. Terdapat juga fakta yang menyatakan bahawa Malaikat Jibril juga pernah meruqyah Rasulullah SAW sebagaimana yang disebut menerusi "Kitab Sahih Bukhari." Selari dengan kajian **Nurdeng Deuraseh** menerusi "Book of Medicine in Sahih Bukhari" yang menganalisa hadith-hadith Rasulullah SAW berkaitan pengubatan yang dilakukan oleh Baginda SAW dengan pengubatan yang digunakan berasaskan *ruqyah*, antaranya sebagaimana yang dinyatakan menerusi hadith yang bermaksud: Daripada Aisyah RA berkata: "*Apabila Rasulullah SAW sakit, Jibril AS datang menjampinya. Ucap Jibril AS "bismillahi yubriika wa min kulli daa in yushfika wa min syarri hasidin idza hasad, wa syarri kulli dzi 'ainin."*" (Riwayat Muslim). Pendekatan *ruqyah* yang dilakukan oleh Jibril AS ialah dengan melafazkan bacaan tanpa aksi seperti meniup di atas tapak tangan atau penggunaan air.

Kajian **Nurdeng Deuraseh** (2013) bertajuk "*Ruqyah dalam Islam ke arah Jampi yang Halal*" menjelaskan bahawa masyarakat Melayu telah mengamalkan *ruqyah* sejak kurun kesembilan lagi iaitu semenjak Islam datang ke Nusantara. Sebelum kedatangan Islam jampi berasaskan fahaman animisme dan dinamisme telah diamalkan oleh masyarakat Melayu pada tahun 650-1200 Masihi. Ketika ini khasnya di Malaysia *ruqyah* berkembang melalui pusat-pusat rawatan tradisional atau atas nama Pusat Rawatan Islam.

Definisi Ruqyah

Banyak penulisan dan kajian antaranya oleh **al-Jawrani** (2007), **Akmal Abdul**

Munir (2005), **Malik Faisal** (2011), **Musdar Bustmam Tambusai** (2013), **Ana Noviana** (2010), **Hazlina Abdullah** (2003), **Ibn Qayyim** (2013) dan "Ensiklopedia al-Qur'an" yang telah membincangkan definisi dan pengertian *ruqyah* sama ada dari sudut bahasa atau istilah. Definisi *ruqyah* secara istilah mengikut **al-Jawrani** (2007) ialah "meminta perlindungan bagi orang yang sakit dengan membacakan sebahagian ayat-ayat al-Qur'an, nama-nama Allah dan sifat-sifat-Nya disertai dengan membaca doa-doa yang syar'ie (ma'thurat) dengan bahasa Arab atau bahasa yang difahami maknanya lalu ditiupkan." Manakala menurut **Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah** (2013), *terapi ruqyah adalah terapi dengan melafazkan doa dari al-Qur'an atau as-Sunnah untuk menyembuhkan sesuatu penyakit*. Manakala menerusi Ensiklopedia al-Qur'an jilid 4, menyebut *ruqyah* ialah suatu bentuk pengubatan dengan menggunakan kalimah-kalimah tertentu untuk menyembuhkan penyakit.

Ummu Abdillah Hanien Zarqa' (2005) menerusi bukunya yang bertajuk "*Terapi Pengubatan dengan Ruqyah Syar'iyyah*" menjelaskan keharusan *ruqyah* yang mengikuti tuntutan syara'. Beliau menjelaskan berkaitan definisi *ruqyah* secara *harfiah*, istilah dan pandangan ulama'. Beliau turut mengulas bahawa terdapat tiga syarat *ruqyah* dan ayat-ayat serta doa yang diamalkan ketika *ruqyah* seperti surah al-Fatiha, *al-mu'awwidzat*, surah al-Kafirun, ayat akhir surah al-Baqarah, ayat Kursi serta beberapa zikir dan doa *ma'thur*.

Bahagian Ruqyah

Muhammad Yusuf al-Jawrani (2007) dan **Malik Faisal** (2011) menjelaskan *ruqyah* terbahagi kepada dua iaitu *ruqyah Syar'iyyah* dan *ruqyah Syirqiyyah*. *Ruqyah Syar'iyyah* iaitu terapi dengan cara membaca al-Qur'an, doa dan zikir bersumberkan al-Qur'an dan

as-Sunnah yang didapati sahih pada riwayatnya. Terapi ini dilakukan oleh umat Islam bertujuan untuk menjaga diri sendiri atau orang lain dari pengaruh jahat pandangan mata manusia, jin, kerasukan, sihir, jiwa kacau dan pelbagai penyakit fizikal atau mental. Islam membenarkan *ruqyah Syar'iyyah* sebagai salah satu usaha penyembuhan dari penyakit berasaskan doa-doа dan zikir-zikir yang diajar oleh Rasulullah SAW dengan penuh keimanan dan ketakwaan, serta yakin bahawa yang menyembuh penyakit adalah dengan keizinan Allah SWT semata-mata.

Syarat *Ruqyah Syar'iyyah*

Amalan *ruqyah* yang mengikut perspektif Islam harus menepati beberapa syarat. Menurut **Ibrahim Salim** (1991), **Hisyah Rashid** (2008), **Haron Din** (2009) dan **Ummu Abdillah Hanien Zarqaa'**(2005) antara syarat *ruqyah Syar'iyyah* ialah:

- ✿ Bacaan-bacaannya diambil menerusi ayat-ayat al-Qur'an, nama-nama Allah SWT dan sifat-Nya atau hadith-hadith yang sahih tanpa mengubah susunan kalimah-Nya. Seterusnya lafaz-lafaz *ruqyah* bukan berasal daripada ahli sihir dan peramal.
- ✿ Menggunakan bahasa Arab yang fasih, dibaca dengan jelas sehingga tidak berubah dari makna asalnya. Lafaz-lafaz *ruqyah* tidak boleh mengandungi istilah atau simbol-simbol yang mengisyaratkan sesuatu yang haram.
- ✿ Meyakini bahawa bacaan ayat-ayat al-Qur'an dan hadith tersebut hanya wasilah untuk penyembuhan atau jampi yang tidak memberikan sebarang kesan. Hakikat yang menyembuhkan adalah Allah SWT, hasilnya dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Ruqyah Syirqiyyah pula ialah *ruqyah* dengan memohon pertolongan selain Allah SWT atau mencampurkan permohonan iaitu memohon kepada Allah SWT dan juga selain Allah SWT seperti menggunakan jin atau syaitan. *Ruqyah* yang dibaca jauh terpesong dari sumber al-Qur'an dan as-Sunnah. Bacaannya mengandungi unsur-unsur syirik yang menyebabkan tergelincir daripada aqidah Islam. *Ruqyah* jenis ini adalah diharamkan dalam Islam kerana ia bukan sahaja menyesatkan diri yang mengamalkan bahkan mampu memperdayakan manusia yang kurang ilmu agamanya.

Terdapat persepsi dalam kalangan masyarakat awam yang berpendapat bahawa terapi *ruqyah* hanya untuk merawat dan menyembuhkan penyakit gangguan jin, syaitan atau hantu serta perkara-perkara ghaib sahaja. Pendapat ini tidaklah tepat kerana **Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah** (2013) menyatakan bahawa terapi *ruqyah* juga boleh digunakan untuk penyakit penyakit berbentuk fizikal. Perkara ini turut disokong dengan sorotan kajian lepas yang menunjukkan terapi *ruqyah* telah digunakan untuk menyembuhkan penyakit berkaitan **emosi** (**Nikmatun Khasanah** 2006), **jiwa** (**Dadang Hawari** 1996 dan **Iman Setyabudi** 2012), **kanser** (**Lokman Abdul Hamid** 2013), **cemas** (**Ana Noviana** 2010).





Bacaan dan Ayat-Ayat *Ruqyah*

Ayat-ayat al-Qur'an yang dibaca dan diamalkan sebagai zikir dan doa dalam rawatan merupakan amalan perubatan berasaskan al-Qur'an dan as-Sunnah. Banyak kajian yang telah membuktikan keampuhan al-Qur'an sebagai ubat. Antaranya hasil kajian **Iman Setyabudi** (2012) yang mendapati zikir mampu menenangkan jiwa pesakit AIDS. Kajian **Kahel** (2010) dan **Mustamir Abdullah** (2011) menjelaskan bahawa ayat-ayat al-Qur'an yang dibaca oleh perawat kepada pesakit mampu mempengaruhi sel-sel saraf yang bermasalah serta berterburu sehingga sel itu tersusun kembali mengikut sistem ketahanan badan secara semula jadi. **Musdar Bustamam Tambusai** (2013) yang memetik hasil kajian **Christian Nelson** seorang ilmuan Amerika yang mengkaji berkaitan ayat-ayat al-Qur'an menjelaskan bahawa ayat-ayat al-Qur'an mampu memperkuatkan sistem imunisasi tubuh dan mengurangkan rasa sakit, perkara ini sama dengan pendapat **Prof Zaglul Najar** (2009) salah seorang pakar dalam bidang *Ijaz al-Qur'an* di Mesir yang menjelaskan bahawa al-Qur'an dapat menguatkan sistem tubuh manusia.

Secara umum kesemua ayat al-Qur'an mujarab digunakan untuk meruqyah. Begitu juga doa-doa yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW. Ayat yang biasa dibaca kepada pesakit ketika meruqyah ialah surah al-Fatihah, al-Baqarah ayat 255 yang dikenali sebagai ayat Kursi, surah-surah *al-Mu'awwidzat*, zikir, selawat, doa dan istighfar.

Kesimpulan, *ruqyah* ialah permohonan untuk perlindungan dan penyembuhan dengan bacaan tertentu seperti ayat-ayat al-Qur'an, doa-doa dan zikir. Ia boleh ditupukan ke dalam air untuk dibuat minum atau mandi atau disapu ke tempat sakit atau anggota badan bagi orang yang sakit seperti demam, hysteria dan seumpamanya sama ada sakit fizikal atau mental agar dapat disembuhkan. Ia mampu mempengaruhi jiwa dan roh serta mendatangkan kekuatan untuk sembah. *Ruqyah* yang berasaskan sumber al-Qur'an dan as-Sunnah boleh digunakan dalam usaha untuk berubat dan harus dijauhi segala bentuk *ruqyah* yang mengelirukan dan menyesatkan. **SR**



Wilayah Persekutuan

Bahagian Penerbitan, JAKIM

Sebagai sebuah ibu negara Malaysia, Kuala Lumpur amat pesat membangun dan berdaya maju. Ia menjadi tumpuan masyarakat majmuk menjalankan pelbagai kegiatan perniagaan dan perkhidmatan dengan aktif. Pembangunan fizikal seperti mendirikan masjid untuk umat Islam dilaksanakan dari semasa ke semasa disertai dengan kepelbagaian aktiviti demi dimanfaatkan oleh umat Islam ibu kota.

Dianggarkan terdapat kira-kira 50 buah masjid di sekitar Kuala Lumpur. Bilangan ini tidak termasuk Masjid Negara, Masjid Wilayah dan Masjid Putra di Putrajaya. Kebanyakan konsep masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dibina berdasarkan seni bina Timur Tengah, Moghul, moden dan berteknologi tinggi. Kelengkapan dan kemudahan di dalam masjid dilengkapi teknologi informasi dan komunikasi (ICT) terkini.

Masjid Negara

Mercu Tanda

Masjid Negara dibina sebagai tanda kesyukuran pemimpin dan rakyat atas kemerdekaan Tanah Melayu yang telah dicapai tanpa perang. Pembinaan masjid ini adalah atas cadangan Almarhum YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Ia menjadi lambang semangat perpaduan dan toleransi rakyat kerana melibatkan semua kaum pada ketika itu. Ini kerana selain daripada peruntukan wang kerajaan, kos pembentukan membina Masjid Negara disumbangkan oleh rakyat jelata tanpa mengira kaum, agama dan bangsa. Nama masjid ini telah diberikan oleh YTM Tunku Abdul Rahman. Beliau tidak bersetuju masjid ini dinamakan dengan nama beliau seperti yang telah dicadangkan oleh banyak pihak.





Keluasan Tapak Binaan

Masjid Negara ini dibina di atas sebidang tanah berkeluasan 5.46 hektar. Kedudukannya bertentangan dengan stesen keretapi Kuala Lumpur. Berhampiran dengan bangunan ini juga, terdiri Kompleks Pusat Islam dan Muzium Kesenian Islam. Lokasinya sangat strategik dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan berdekatan pula dengan stesen pengangkutan awam.

Seni Bina

Keseluruhan reka bentuk seni bina Masjid Negara ini bercirikan reka bentuk tempatan dan moden. Pereka bentuknya cuba mengalih kelaziman reka bentuk masjid dari konsep seni bina Arab dan Moghul yang berkubah separuh bulat dan berbentuk bawang seperti kebanyakan masjid terdahulu.

Ciri Masjid Negara turut mengaplikasikan seni bina Melayu tradisi yang mementingkan reka bentuk yang disesuaikan dengan keadaan cuaca dan sosio budaya masyarakat tempatan. Bahagian bumbung yang menjadi identiti utamanya berkONSEP payung terbuka. Konsep payung yang menjadi kubah kepada masjid negara ini melambangkan semangat dan kedaulatan raja yang memayungi negara dan berpegang kepada prinsip Islam sebagai agama rasmi Persekutuan.

Keunikan reka bentuk bumbung masjid ini telah menjadi ikutan dalam pembinaan masjid-masjid lain, antaranya Masjid Ahmad Ibrahim dan Masjid Kampung Raja di Terengganu.

Komponen Menarik

Terdapat beberapa komponen lain yang menarik di Masjid Negara. Menaranya berkubahkan bentuk payung sedang menguncup. Warna biru menjadi pilihan dan menara ini dilengkapi dengan kemudahan lif untuk turun dan naik.

Jika di bahagian luar kita dapat melihat menaranya, di bahagian dalam masjid ini terutama di dewan solat utamanya tersergam indah mimbar yang diperbuat sepenuhnya daripada kayu yang diukir bermotifkan bunga. Terdapat sebuah tangga berlapikkan karpet baldu tanpa corak sebagai penyeri. Mihrab masjid ini pula dihiasi dengan ukiran-ukiran bermotifkan geometri, bunga dan ukiran *muqarnas* yang sangat menarik.



Hiasan dan Tatarian

Antara hiasan lain yang menjadi tarikan di masjid ini ialah tulisan khat yang menghiasi dinding di sebelah hadapan dewan solat utama. Lampu-lampu kristal pula memberi cahaya dan menambah seri ruang ini. Selain itu cermin kaca berwarna turut memberi impak warna-warni dan meningkatkan lagi kegemilangan dan keindahan sebuah dewan solat.

Struktur Utama

Ruang anjung dan serambi yang luas di masjid ini dapat menampung kebanjiran para jemaah pada solat Jumaat dan solat hari raya. Selain itu, ia turut digunakan untuk acara-acara lain seperti pameran, majlis berbuka puasa dan sebagainya.

Terdapat juga kemudahan lain di masjid ini seperti bangunan pentadbiran, perpustakaan, pejabat imam dan bilal, bilik orang kenamaan, dewan syarah dan juga Makam Pahlawan.

Mendekati konsep seni bina Islam, Masjid Negara turut dilengkapi dengan pokok-pokok hijau dan beberapa kolam air dan air pancutan yang bertujuan mengimbangi udara di persekitaran dan mengindahkan kawasan masjid.

Kemudahan Aktiviti dan Pendidikan

Fungsi masjid tidak bertumpu kepada ibadah solat semata-mata. Kegiatan-kegiatan lain seperti pendidikan, ceramah dan muzakarah diadakan untuk semua lapisan masyarakat. Menurut pegawai masjid ini ada antara mereka yang pernah melawat masjid ini mendapat hidayah daripada Allah SWT lalu memeluk Islam setelah teruza dengan keindahannya.



Masjid Wilayah

Ilham Perdana Menteri Keempat

Pembinaan Masjid Wilayah ini direalisasikan pada 25 Syawal 1416 Hijri bersamaan 15 Mac 1996 Masihi dan siap dibina pada 30 Ogos 2000 Masihi. Upacara serah milik kepada pihak Jabatan Agama Islam Wilayah (JAWI) pada September 2000 Masihi.

Masjid Wilayah Persekutuan terletak di sebuah kawasan berbukit Jalan Duta, berhampiran susur masuk ke pusat bandaraya Kuala Lumpur. Tapak binaannya berkeluasan kira-kira 13.4 hektar, iaitu di atas tapak bekas mahkamah dan pejabat kerajaan. Cadangan pembangunan Masjid Wilayah ini dilhamkan oleh Tun Dr Mahathir ketika menjadi Perdana Menteri keempat. Ia merupakan projek Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI) dan diiktiraf berstatus Masjid Negeri.



Konsep dan Reka Bentuk

Keindahan dan keunikan Masjid Wilayah ini terletak pada seni binanya yang berkonseptan gaya zaman era Uthamniyyah di Turki pada abad ke-16. Walaupun seni bina begini dikatakan agak terbelakang, namun konsep tersebut amat popular pada kebanyakan bangunan masjid di seluruh dunia.

Kubah Masjid Wilayah terdiri daripada sebuah kubah utama bersaiz besar, tiga kubah separa, dua kubah menara dan 16 kubah kecil yang berada di atas ruang solat utama serta anjung-anjung masjid. Kubah utamanya bergaris pusat kira-kira 30 meter dengan ketinggian 45 meter dari aras lantai dewan solat utama. Bahan untuk binaan kubah terdiri daripada jenis *exposy glassfire* dan berkemasan jubin mozek yang menggunakan teknik *bit-map*. Berwana biru firuz, kubah ini dihiasi dengan hiasan reka bentuk lingkar bunga dan dedaunan yang menjalar.

Ukiran pada Kayu dan Jenis Hiasan

Material yang digunakan pada hiasan dan tatahias luaran dan dalaman Masjid Wilayah ini berasaskan kayu dan batu. Ukiran-ukiran lebih bertumpu kepada komponen yang diperbuat daripada kayu seperti yang dapat dilihat pada pintu, tingkap dan sebahagian jeriji di dinding masjid. Pemidang di dewan solat wanita dan mimbar juga diperbuat daripada kayu yang telah diukir.

Ukiran yang halus dan unik boleh dilihat pada dinding kemasan batuan simen, manakala silingnya berturap simen telah dibentuk dan diukir mengikut acuan. Motif kebanyakannya ukiran kayu yang menghiasi masjid ini berbentuk awan larat yang diambil daripada bentuk-bentuk lima jenis bunga harum



seperti bunga tikam seladang (bunga mas), cempaka, kenanga, tanjung, melur serta daun yang menghijau seperti paku pakis.

Kayu-kayu hiasan terdiri daripada jenis kayu cengal yang diukir oleh tukang-tukang mahir tempatan yang didatangkan dari Terengganu dan Kelantan. Bahagian dalam masjid dihiasi dengan lampu-lampu yang mengeluarkan cahaya bergemerlapan. Lampu *cendeliar* yang digantung pada sebelah dalam kubah utama pula berbentuk moden dan ekslusif. Keindahannya terserlah apabila semua lampu itu dipasang terutama pada waktu malam.

Ukiran pada Batu dan Penggunaan Batu Permata serta Tulisan Khat

Ukiran batu pula dibuat pada pintu gerbang utama dan mihrab. Jenis batu yang digunakan terdiri daripada batu marmar Makarana. Pembuatan batu ini diselenggarakan di tiga pusat yang terletak di Agra, Jaipur dan Makarana di Rajestan, India. Batu-batu ini diukir oleh pengukir mahir di India dengan menggunakan konsep *in lay* daripada jenis batu permata dan dipasang di tapak binaan oleh pekerja-pekerja tempatan dan dikemaskinikan serta dihalusi oleh pekerja India.

Penggunaan batu permata pelbagai jenis seperti batu lapisan *lazuli*, *black onyx*, *malachite*, *red* dan *golden jasper*, *mother of pearl* dan *tiger eye* menjadikan Masjid Wilayah ini begitu istimewa. Tulisan khat jenis *Thuluth* turut memainkan peranan penting dan amat bermakna sebagai hiasan kaligrafi kepada Masjid Wilayah ini. Ia diterapkan di tempat-tempat tertentu supaya mudah dihayati dan difahami terutama di gerbang pintu masuk.

Landskap Mesra Alam

Bagi mengimbangi pembangunan dan mewujudkan suasana mesra kepada alam semula jadi, Masjid Wilayah dihiasi dengan seni landskap yang terdiri daripada kepelbagaiannya jenis pepohonan termasuk pokok-pokok herba. Taman di masjid ini terbahagi kepada tiga, iaitu taman hutan, taman riadah dan taman perubatan. Taman-taman dan kolam buatan saling lengkap-melengkapinya antara satu dengan yang lain sehingga menerbitkan suasana nyaman dan tenteram kepada para pengunjung masjid.

Lorong siar kaki yang disediakan di sekitar kolam ditaburi dengan batu-batu kecil dari sungai. Kolam air yang dilengkapi dengan tujuh pancutan halus dan air terjun buatan menambahkan lagi kelembutan dan ketenangan di situ. Kolam ini dilengkapi dengan *bio-filter* bagi menjaga kebersihan sepanjang masa.

Kemudahan dan Aktiviti

Masjid Wilayah ini dilengkapi dengan sekolah pendidikan Islam. Asrama, perpustakaan dan kemudahan bilik komputer turut disediakan. Selain kegiatan pembelajaran, aktiviti yang dilaksanakan ialah sambutan hari kebesaran Islam, ceramah, mesyuarat dan aktiviti kemasyarakatan yang disertai oleh semua golongan umat Islam.

Masjid Wilayah ini menjadi antara tempat kunjungan wajib para pelancong dari dalam dan luar negara.





Masjid Putra, Putrajaya

Masjid Putra didirikan pada 22 Zulkaedah 1419 Hijri bersamaan 9 Mac 1999 Masihi. Ia menjadi mercu tanda Wilayah Persekutuan Putrajaya. Masjid ini dinamakan Masjid Putra sempena Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Kedudukan masjid ini bersebelahan dengan Dataran Putra dan bertentangan dengan blok Perdana Putra. Dari arah masjid ini, dapat dilihat pemandangan indah Tasik Putra dan kawasan sekitarnya. Sebahagian besar kawasan masjid dikelilingi oleh tasik, menjadikan masjid ini kelihatan terapung-apung di atas air seperti Masjid Tengku Tengah Zaharah di Terengganu dan Masjid Tanjung Bunga di Pulau Pinang. Bezanya kedua-dua masjid ini dibina berhampiran dengan laut, manakala Masjid Putra dikelilingi oleh tasik.

Konsep Reka Bentuk Masjid

Konsep reka bentuk Masjid Putra ini berdasarkan kepada seni bina Parsi zaman Kerajaan Safawe. Seni bina dan reka bentuk kubahnya menonjolkan ciri-ciri masjid tradisi yang mudah dilihat di Timur Asia. Ketinggian keseluruhan masjid ini menyamai bangunan 21 tingkat. Ia terdiri daripada empat aras termasuk bumbung yang mempunyai fungsi masing-masing.

Aras Bawah Dua

Dinding dan benteng yang dibina di sekeliling aras ini menampilkan imej pertahanan yang kuat untuk menggambarkan keteguhan. Aras ini menjadi penghubung utama

kepada siar kaki, iaitu jalan mengelilingi tasik. Di aras ini terdapat pelantar untuk para pengunjung menghayati udara nyaman dari tasik.

Aras Bawah Satu

Bahagian ini menempatkan pelbagai kemudahan seperti auditorium yang boleh memuatkan seramai 450 orang, dewan makan untuk 400 orang dan sebuah ruang legar untuk pameran. Di sini turut ditempatkan pejabat utama Masjid Putra, tiga buah bilik kuliah, bilik pengurusan jenazah, tempat berwuduk dan bilik air serta rumah kakitangan.

Aras Bawah

Aras ini membawa konsep keterbukaan. Tiang berbentuk payung di aras ini direka supaya dapat memberikan perlindungan kepada orang ramai daripada hujan dan panas serta pengaliran udara semula jadi. Konsep ini juga bertujuan untuk menyambungkan antara saf dalam dan saf luar sekiranya jemaah terlalu ramai pada satu-satu masa.

Dewan solat utama terletak di sini yang boleh memuatkan bilangan jemaah seramai 8,000 orang pada satu masa. Pintu masuknya mempunyai reka bentuk berdasarkan struktur binaan di Isfahan.

Sebuah laman terbuka terbentang luas di antara ruang solat utama dan pintu masuk utama masjid. Laman terbuka ini merupakan tapak kepada menara masjid setinggi 116 meter dan dihiasi dengan kolam-kolam air dan pepohonan. Laman terbuka serta pelantar sekeliling aras ini boleh menampung seramai 5,000 jemaah lagi.





Aras Satu dan Bumbung

Bahagian ini mempunyai lapan buah kubah kecil yang membentuk empat penjuru dewan solat utama. Konsep terbuka jelas kelihatan dengan adanya tingkat-tingkat besar yang dihiasi gaya rekaan yang begitu indah di sekeliling aras tersebut.

Sebanyak enam belas tudung konkrit mengelilingi aras ini. Puncak kubah dihiasi dengan mercu tajam yang mengarah ke langit. Dewan solat wanita berada di aras satu yang boleh menampung seramai 2,000 jemaah. Keempat-empat aras ini dihubungkan oleh rangkaian tangga yang bermula dari tempat wuduk utama serta dua buah lif di kiri dan kanan pintu dewan solat utama.

Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin

Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin muncul sebagai satu mercu tanda baru di Putrajaya. Masjid ini mula dibina oleh Perbadanan Putrajaya pada tahun 2004 Masihi di satu kawasan seluas 4.04 hektar berhampiran Tasik putrajaya di Presint 3, Putrajaya dan siap pada bulan September 2009 Masihi.

Masjid yang berkonseptkan kontemporari dan reka bentuk moden ini dibina menggunakan 70 peratus (kira-kira 6,000 tan) besi keluli. Bahan konkrit hanya digunakan untuk membina ruang letak kereta dan laluan pejalan kaki yang terletak bersebelahan masjid. Selebihnya ialah kawasan lantai jubin, keemasan arkitektural luaran besi tahan karat, aluminium, *crystallised glass*, *grannite*, dan *spray grannite*.

Reka bentuknya tanpa dinding yang digantikan dengan skrin *masyrabiyyah* separa tertutup. Skrin *masyrabiyyah* di sekeliling dewan solat utama ini terdiri daripada bahan tahan karat, iaitu jenis *lattice* dan *architectural metallic waiving screen* yang membenarkan laluan udara secara terus dari tasik di sekeliling masuk ke dalam masjid. Anyaman *masyrabiyyah* yang diimport khas dari Jerman itu merupakan jenis skrin yang sama digunakan di Stadium Bernabeu, iaitu stadium bola sepak pasukan Real Madrid dan juga pada ruang meletak buku setinggi 20 tingkat di Perpustakaan Negara di Paris.

Kubah Masjid

Kubah Masjid Putra ini berwarna merah jambu dan reka bentuknya berdasarkan arabesque iaitu ukiran berkONSEPAN tumbuhan seperti yang terdapat pada kubah-kubah masjid di Mesir. Ukiran dan hiasan dalam kubah dan masjid ini pada keseluruhannya diilhamkan berdasarkan seni ukir tempatan.

Selain daripada kubah yang menjadi tarikan pada Masjid Putra ini, bahan daripada kayu cengal yang menjadi pilihan untuk pintu, jerejak dan pemidang pada masjid ini telah berjaya menghidupkan seni ukir Melayu berteraskan ajaran Islam yang menonjolkan semangat persaudaraan dan keharmonian sesama insan.

Reka bentuk masjid ini berkonseptkan “*airy, light* dan *transparent*.” Walaupun besi keluli menjadi bahan utama, namun ia hanya untuk membina kerangka masjid. Setiap tiang dikemaskin dengan bahan telus cahaya, iaitu *crystallized glass* yang menyerlahkan masjid ini kelihatan berwarna putih jika dilihat dari jauh. Pada sebelah malam, simbahana cahaya lampu menambahkan lagi keadaannya. **SR**



Penciptaan Nabi Adam AS

MOHD KALAM MAZAD ABD RAHMAN

Penolong Pengarah

Bahagian Penerbitan, JAKIM

Sejarah Islam mencatatkan bahawa penciptaan Nabi Adam AS telah membuka lembaran sejarah perjalanan hidup manusia yang pertama di alam ini. Digelar sebagai “*Bapa kepada semua manusia*” atau “*Abu al-Bashar*” yang menjadi tonggak atau bapa atau lelaki yang pertama dalam salasilah keturunan keseluruhan manusia di dunia ini.

Menerusi artikel ini, kita akan membincangkan tentang asal usul dan proses penciptaan manusia yang pertama diciptakan oleh Allah SWT di alam ini. Menurut al-Qur'an, manusia pertama yang diciptakan oleh Allah SWT adalah Nabi Adam AS yang diciptakan daripada tanah. Hal ini dengan jelas dinyatakan oleh Allah SWT menerusi firman-Nya yang bermaksud: **“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia (Adam) daripada tanah liat yang kering, yang berasal daripada tanah kental yang berubah warna dan baunya.”** (al-Hijr :126).

Menerusi ayat ini, Allah SWT menerangkan tentang awal penciptaan manusia yang pertama, dimulai penciptaannya daripada tanah liat yang kering yang berubah warna dan baunya. Kemudian, setelah selesai penciptaan lembaga manusia tersebut, Allah SWT memaklumkannya kepada para malaikat mengenai penciptaan makhluk tersebut. Firman Allah SWT yang bermaksud: **(Ingatkanlah peristiwa), ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia daripada tanah liat yang kering,**

yang berasal daripada tanah kental yang berubah warna dan baunya.” (al-Hijr :28).

Demikian juga firman Allah SWT yang bermaksud: **“...dimulakan-Nya kejadian manusia berasal daripada tanah.”** (al-Sajadah :7).

Selain daripada firman Allah SWT, terdapat juga beberapa riwayat hadith yang menerangkan perkara yang sama iaitu tentang asal usul penciptaan manusia yang dimulai penciptaannya daripada tanah. Antara hadith yang boleh dijadikan sandaran dan hujah dalam persoalan ini ialah sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: **“Sesungguhnya kamu semua berasal daripada Adam dan Adam pula diciptakan daripada tanah.”**

Menerusi hadith yang lain, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: **“Sesungguhnya Allah SWT menciptakan Adam daripada segenggam tanah dan kandungan segenggam tanah tersebut mengandungi keseluruhan jenis tanah yang terdapat pada bumi.”** (Riwayat at-Tirmizi).

Asal usul penciptaan manusia (Nabi Adam AS) daripada tanah, dijelaskan menerusi sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: **“Sesungguhnya anak-anak Adam itu dilahirkan bersifat dengan sifat bumi. Antara mereka ada yang dilahirkan berkulit merah, berkulit putih, berkulit hitam dan berkulit di antara**



warna-warna tersebut. Antara mereka ada yang bersifat lemah lembut, bersifat keras, ada yang jahat dan ada yang baik. Maka yang jahat itu adalah mereka yang kafir dan munafik, manakala yang baik itu adalah mereka yang beriman.”

Mengenai proses penciptaan manusia pula, **Syeikh Idris al-Marbawi** menerusi kitab karangannya *Bahrul Mazi Jilid 21* ada menerangkan mengenainya. Menurutnya, penciptaan Nabi Adam AS ada dinyatakan menerusi al-Qur'an dan beberapa riwayat hadith Rasulullah SAW. Selain itu, merujuk kepada beberapa hasil penulisan daripada kitab-kitab yang lain seperti *Ensiklopedia Arab*, *Bidayatul Fudama' Wa Hidayatul Hukama'*, *Qisasul Anbiya'* dan *Tafsir Khazim*.

Melalui pembacaannya terhadap buku-buku tersebut, beliau menyimpulkan bahawa ketika Allah SWT hendak menjadikan Adam, Allah SWT telah memaklumkannya kepada bumi. Kemudian Allah SWT pun memerintahkan Jibrail AS untuk mengambil tanah di permukaan bumi untuk mencipta manusia. Apabila Jibrail AS pergi ke bumi untuk melaksanakan tugas tersebut, maka bumi pun berkata kepada Jibrail AS: “**Wahai Jibrail!**

aku berlindung dengan kemuliaan tuhan yang mengutuskan engkau ke sini, jangan sekiranya engkau ambil satu apa pun daripada diriku yang esok pada akhirnya akan dimasukkan ke neraka.”

Bumi tidak membenarkan Jibrail AS mengambil tanahnya untuk dijadikan manusia. Keengganannya ini bukanlah kerana dirinya ingkar atau menderhakai arahan dan perintah Allah SWT, tetapi dia tidak mahu menanggung risiko dan tidak rela membiarkan sebahagian daripada dirinya akan turut tercampak ke dalam neraka apabila sebahagian daripada dirinya diletakkan dalam jasad manusia yang ingkar terhadap Allah SWT. Lalu Jibrail AS pun pulang menghadap Allah SWT dengan tangan yang kosong. Beliau memaklumkannya ke hadrat Allah SWT tentang keengganannya mengizinkan dirinya untuk mengambil segenggam tanah dari permukaannya.

Setelah itu, Allah SWT mengarahkan malaikat Mikail pula untuk mengambilnya. Namun, beliau juga mengalami situasi yang sama seperti Jibrail AS. Beliau pun pulang dan terus menghadap Allah SWT tanpa membawa bersama walaupun sedikit tanah sebagaimana yang diarahkan kepadanya.



Melihat bumi masih enggan membenarkan sebahagian dirinya diambil oleh kedua-dua utusannya untuk dijadikan manusia. Allah SWT pun memerintahkan pula malaikat Israfil AS untuk melaksanakan tugas tersebut. Nasib Israfil AS pun sama seperti Jibrail AS dan Mikail AS. Bumi tetap tidak mengubah pendiriannya. Beliau pun pulang dan terus menghadap Allah SWT dengan tangan yang kosong. Akhirnya, Allah SWT memerintahkan malaikat Izrail AS untuk melakukan tugas tersebut.

Sebagaimana tiga malaikat sebelum ini, bumi masih tetap dengan pendiriannya, iaitu enggan memberi keizinan kepada Izrail AS mengambil tanah dari permukaannya, lalu beliau pun berkata kepada bumi: ***"Wahai bumi! Aku berlindung dengan Tuhan Yang Maha Mulia dari menderhaka kepadanya. Tahukah engkau bahawa arahan mengambil tanah ini bukanlah keinginan kami para malaikat, tetapi ia adalah perintah Allah SWT kepada kami untuk mengambil beberapa jenis tanah daripadamu. Dialah Zat Yang Maha Mengetahui kesemua rahsia di sebalik penciptaan seluruh makhluknya."***

Mendengar penjelasan dan ingatan tersebut, bumi terdiam dan tubuhnya menggilir kerana ketakutan terhadap Allah SWT, lalu dia pun mengizinkan Izrail AS mengambil tanah sebagaimana yang diarahkan oleh Allah SWT, Tuhan Yang Maha Pencipta lagi Maha Bijaksana.

Lalu malaikat Izrail AS pun merentangkan seluruh sayapnya di permukaan bumi dari timur ke barat, utara dan selatan dan mengambil beberapa jenis tanah yang ada. Beliau tidak kira sama ada tanah tersebut cantik ataupun buruk. Tanah yang mempunyai pelbagai warna meliputi merah, putih, hitam, kuning, coklat, kelabu, tanah halus, tanah kasar, tanah lembut ataupun tanah keras. Berdasarkan kejadian sebegini anak keturunan manusia itu ada yang baik perangainya dan ada yang tidak. Ada yang suka melakukan ketaatan terhadap Allah SWT dan ada yang suka melakukan maksiat. Ada yang cantik wajahnya dan ada yang tidak. Ada yang putih kulitnya. Ada yang merah, hitam, coklat dan sebagainya. Kesemua tanah tersebut dikumpulkan untuk dibawa menghadap Allah SWT.

Setelah selesai tugasnya mengambil tanah daripada permukaan bumi, beliau pun terus pulang untuk menghadap Allah SWT. Sampai sahaja di hadapan Allah SWT, beliau pun berkata: ***"Ya Allah, Zat Yang Maha Mengetahui, inilah hamba-Mu yang datang membawa bersama-sama tugasan yang diberikan."***

Allah SWT berfirman: ***"Engkau telah berjaya melaksanakan tugasmu, di atas sebab itu, Aku percaya engkau boleh melakukan tugas mencabut roh keturunan Adam selepas ini."***

Mendengar penjelasan tersebut, Izrail AS merasa amat bimbang kerana dirinya akan dibenci oleh umat manusia. Lalu Allah SWT berfirman lagi: ***"Tidak, mereka tidak akan memusuhi kamu. Aku yang mengaturnya dan Aku menjadikan kematian mereka itu bersebab sama ada mereka mati kerana terbunu, terbakar, sakit dan sebagainya."***



Selepas Izrail AS membawa balik tanah yang hendak digunakan untuk menjadikan manusia yang pertama, Allah SWT pun memerintahkan Mikail AS untuk mengambil empat jenis air dari dalam syurga, iaitu air manis, air masin, air pahit dan air hamis. Keempat-empat jenis air ini pun disiram ke atas tanah tersebut dan di atas sebab inilah mengapa dalam tubuh badan seorang manusia akan terdapat keempat-empat jenis air tersebut. Hal ini terbukti apabila kita melakukan ujian ke atas tubuh kita. Kita akan dapati rasa air liur kita rasanya adalah manis, air mata rasanya masin, air hidung rasanya hamis dan air telinga rasanya pahit. Maha Agung dan Maha Bijaksana Allah SWT yang mencipta setiap makhluk di alam ini.



Setelah itu, Allah SWT pun mengarahkan Izrail AS untuk menguli tanah yang telah dicampurkan dengan empat jenis air tersebut supaya menjadi tanah liat dan membiarkannya seketika (diperam).

Kemudian Allah SWT menyuruh supaya tanah liat Nabi Muhammad SAW dicampurkan dengan tanah liat Nabi Adam AS yang telah siap diulii dan diperam tadi menjadi satu ulian.

Kemudian tanah liat tersebut ditempa menjadi satu lembaga yang berbentuk tubuh manusia dan kemudiannya ditinggalkan dan dibiarkan selama 40 tahun sehingga tubuh manusia tersebut menjadi kering kontang seperti tembikar. Setelah itu, tubuh manusia tersebut disidai di pintu syurga selama 40 tahun lamanya.

Hal keadaan tubuh manusia yang tersidai di pintu syurga selama 40 tahun itu telah menjadi tumpuan para malaikat AS. Setiap kali mereka melintasinya mereka akan memuji-muji hal keadaan tubuh manusia tersebut. Mereka sangat kagum dengan penciptaan tersebut kerana masih belum pernah menyaksikan penciptaan satu makhluk yang sama seperti sempurnanya tubuh manusia ini. Demikian penciptaan tubuh manusia yang diciptakan oleh Yang Maha Pencipta dengan keadaan sebaik-baik penciptaan. Firman Allah SWT yang bermaksud: ***"Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (berkelengkapan sesuai dengan keadaannya)." (at-Tin :4)***.

Sewaktu melalui tempoh 40 tahun itu, tubuh Nabi Adam AS dihujani dengan hujan sukadita selama satu tahun, kemudian dihujani pula dengan hujan dukacita juga selama satu tahun lamanya. Demikian proses penciptaan tubuh Nabi Adam AS yang melalui beberapa peringkat dan kesemua peringkat yang dilalui akan menjadi sari pati kehidupan seorang manusia. Mereka akan merasai nikmat kesenangan dan juga merasai pahitnya kedukaan dalam menjalani hidup mereka.

Mengenai peringkat seterusnya, iaitu peringkat Allah SWT hendak memasukkan roh ke dalam tubuh Nabi Adam AS, diperintahnya roh supaya masuk ke dalam tubuh Nabi Adam AS. Namun, roh menyatakan tubuh manusia tersebut terlalu sempit untuk dirinya

masuk ke dalamnya. Beliau bertanya kepada Allah SWT: ***"Ya Allah, bagaimana aku hendak masuk ke dalam tubuhnya yang begitu sempit ini?"*** Allah SWT menjawab persoalan roh itu menerusi firmanya yang bermaksud: ***"Masuklah kamu ke dalamnya dengan terpaksa dan kamu keluar nanti juga dengan terpaksa."***

Maka roh pun berusaha untuk masuk ke dalam tubuh Nabi Adam AS dan dia mula masuk melalui ubun-ubunnya. Apabila sampai kepada kedua-dua matanya, mulalah dia melihat sekalian jasadnya yang masih berupa tanah lagi. Roh terus berjalan ke dalam tubuh Nabi Adam AS. Apabila dia sampai ke bahagian hidungnya, dia pun terbersin. Roh terus berjalan dan apabila sampai ke bahagian lidahnya, maka dia pun mengucapkan ***"Alhamdulillahi rabbil-alamin"***. Maka Allah SWT pun membalaas kata-kata Nabi Adam AS dengan menyeru ***"Yarhamkallah Ya Abu Muhammad"*** (*Rahmat ke atasmu wahai bapa Muhammad dan kerana inilah engkau dijadikan*).

Roh terus berjalan dan apabila sampai ke bahagian kedua-dua lututnya, dia berusaha hendak bangun berdiri, tetapi tidak berdaya untuknya berdiri lalu Allah SWT berfirman yang bermaksud: ***"Dicipta manusia ini bersifat terburu-buru."*** Maka apabila roh sampai ke bahagian betis dan kedua-dua kakinya, mulalah Nabi Adam AS berdiri dengan betul dan seimbang. Allah SWT menambah lagi kecantikan tubuh manusia dengan meletakan pada setiap hujung jarinya kuku. Hal ini menambah cantik lagi ciptaan tubuh Nabi Adam AS.

Begitulah proses kejadian tubuh Nabi Adam AS dan proses kemasukan roh ke dalam tubuh badannya. Setelah kejadian Nabi Adam AS sempurna sebagai manusia, maka dia adalah manusia yang pertama diciptakan di alam ini. Wajahnya cukup tampan, semua malaikat berasa kagum melihat keadaan ciptaan Nabi Adam AS yang begitu menawan. Kemudian Nabi Adam AS diarak oleh para malaikat selama 100 tahun lalu diperkenalkan kepada seluruh penghuni dari langit pertama hingga ke langit yang ketujuh sebelum dibawa ke syurga tempat mula-mula Nabi Adam AS tinggal. **SR**

Apa salah aku?

kerana terhimpit aku merempit



DZULHILMAN ROSLAN

Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam
Kader Penjara Simpang Renggam, Johor

Aku hanya mampu melihat kawan-kawan senasibku berjemur di tengah panas melakukan aktiviti kawad. Aktiviti yang bertujuan untuk mendisiplinkan diri setiap daripada kami. Aku hanya duduk di tepi padang kawad. Aku tidak dapat bersama-sama mereka menjalani aktiviti kawad tersebut kerana kecacatan yang aku alami disebabkan kesalahan ku sendiri.

Kononnya mahu jadi jaguh jalanan, akhirnya aku kehilangan kaki kananku sendiri. Sudahlah dipandang hina oleh masyarakat, bahkan dicemuh dan dibuang pula oleh keluarga. Apalah nasib ku... Aduh!

Zaman bermulanya aku bermain motor (merempit) ketika aku berada di tingkatan dua. Waktu itu, aku ‘gila’ dengan jentera yang bernama motosikal. Mansanya adalah motosikal bapaku sendiri. Maklumlah... Tingkatan dua. Lesen pun tak ada, ini kan pula untuk memiliki motosikal sendiri.

Pada mulanya, aku menggunakan motosikal tersebut hanya untuk ke kedai sahaja.

Itu pun apabila diminta oleh ibuku untuk membeli barang keperluan dapur. Selepas beberapa waktu, barulah aku bermula dengan langkah yang lebih panjang. Apabila diminta oleh ibuku pergi ke kedai membeli barang, aku akan berusaha untuk mencari kedai paling jauh yang seboleh-bolehnya. Pelbagai alasan aku berikan kepada ibuku. Barang tak adalah... Kedai tutuplah... Macam-macam lagi alasan aku utarakan kepada ibuku, semata-mata untuk menempuh perjalanan yang lebih jauh dan berseronok-seronok.

Suatu hari, sedang aku terlalu seronok menikmati kelajuan di atas jalan raya, tiba-tiba aku terserempak dengan sekatan jalan raya yang dikendalikan oleh pihak polis. Waktu itu, aku tak sempat untuk mengelak mahupun melarikan diri. Setelah diperiksa, aku didapati tidak mempunyai lesen yang sah serta menunggang motosikal secara merbahaya. Akibatnya, aku ditahan di lokap polis.

Satu jam kemudian, ayah aku datang ke balai polis dengan keadaan yang sangat marah. Gerun melihat wajah ayahku yang sedang marah, aku hanya mendiamkan diri tanpa



mengeluarkan sebarang kata. Setibanya di rumah, ketika itulah seperti berlakunya letusan gunung berapi yang sedang marak. Habis aku dibelasah dan dihamun oleh bapaku. Ketika itu, Allah sahaja yang tahu betapa peritnya aku rasa akibat kedegilanku sendiri. Perghhh... Sakit beb!

Hampir lima bulan jugalah aku tidak menyentuh kunci motor, apatah lagi menaikinya. Akhirnya, setelah aku merayu serta didorong dengan wajah yang penuh dengan keinsafan, ayahku membenarkan untuk aku membawa motosikal kembali. Itu pun untuk ke kedai yang dikenali sebagai kedai runcit Fauzi sahaja, yang terletak di persimpangan jalan nak masuk ke kawasan perumahanku. Itu sahaja yang dibenarkan... Takut punya pasal, aku akur dan ikut cakap ayahku. Alhamdulillah, tiada sebarang perkara yang tidak diingini berlaku.

Sehinggalah aku meningkat remaja. Ketika itu aku berada di tingkatan lima. Ketika itu juga, aku baru sahaja memiliki lesen. Gembiranya

rasa, tidak terkata... Tak ada apa lagi yang perlu dibimbangkan.

Walau bagaimanapun, ayahku tetap berpesan kepadaku agar jangan disalahgunakan kepercayaan yang telah diberi. Jangan membahayakan diri sendiri.

Peringatan dan nasihat tersebut, aku rasakan seolah-olah sempat ‘hinggap’ ke telingaku ini adalah dalam seminggu. Selepas seminggu, aku sendiri tak tahu, ke mana ‘tercicir’ peringatan tersebut. Mungkin ‘tercicir’ di jalan raya kot, sewaktu aku sedang syok merempit pada malam minggu yang lepas. Hiihi... Gelakkku nakal.

Ketika inilah, aku sudah terjerumus dengan gejala merempit. Hebatnya aku, aktiviti rempitku ini langsung tidak dapat dihidu oleh ayah dan ibuku kerana kebijaksanaanku melindungi aktiviti haramku ini. Malah, mereka juga langsung tidak mengesyaki apa-apakerana setiap kali menggunakan motosikal di sekitar kawasan perumahan, aku akan menunggang dengan penuh sopan dan berhemah. Sehinggakan aku dikenali oleh orang kampungku salah seorang penunggang motosikal yang berhemah. Aku juga sering menumpangkan makcik-makcik atau pakcik-pakcik yang hendak ke pasar mahupun ke surau jika terserempak mereka di jalan. Nampak, Betapa murninya aku...

Di kawasan perumahan tempat tingalku, aku terkenal dengan kesopananku menunggang motosikal di atas jalan raya. Begitu juga di luar dari kawasan perumahanku, aku juga seorang yang cukup dikenali dan dikagumi. Namun, di luar kawasan tempat tinggal, aku dikagumi bukan disebabkan penungganganku yang berhemah tetapi disebabkan kehebatanku merempit dan melakukan aksi lasak lagi merbahaya di atas jalan raya. Sehinggakan,

sebut sahaja namaku, pasti akan menjadi perhatian dan bualan tentang kejaguhanku di atas jalan raya, sama ada lelaki mahupun perempuan.

Siapa yang tidak gembira? Setiap kali aku mempersesembahkan aksi-aksi yang mencemas dan mendebaran, aku akan diberikan layanan dan hadiah yang lumayan. Gadis-gadis jelita akan mengelilingiku, lalu memberikan ciuman kepadaku. Kehandalanku sememangnya tiada lagi tandingannya. Ini membuatkan ramai ‘mat rempit’ yang lain cemburu kepadaku kerana aku sentiasa dikelilingi oleh gadis-gadis cantik dan ‘minah rempit’.

Minah rempit yang aku perhatikan seperti sudah tiada malu. Ada yang sanggup memberikan ‘mahkotanya’ kepadaku. Betapa murahnya harga diri anak bangsa kita pada masa kini. Apabila ditanya, ramai yang meluahkan rasa kekecewaan mereka terhadap ibu bapa mereka yang gagal mendidik menyebabkan mereka hanyut dengan mat rempit yang kononnya membela nasib mereka.

Ingin aku luahkan di sini, buruknya perangaiku dan teman-temanku sehingga tidak tahu menilai kemanisan hidup dan erti kemanusiaan. Belia remaja yang sepatutnya menjadi harapan agama dan bangsa, tergamak melakukan dosa besar dengan melakukan zina dan sebagainya. Bukan itu sahaja, ada yang sanggup melakukan pembunuhan kejam dengan membuang bayi-bayi yang lahir hasil benih zina tersebut ke dalam tong sampah dan longkang. Kejam! Sumpah kejam!

Aku sendiri dapat melihat dengan mata kepalaiku sendiri. Gejala sosial, judi, zina dan dadah tidak dapat dibendung setelah terjebak dengan aktiviti rempit ini. Peratusannya adalah anak Melayu. Aku terfikir sendirian, mungkin



dunia ini semakin canggih, menyebabkan remaja yang ada pada hari ini mudah lupa diri dan tidak mahu bersyukur. Tapi, lupakah mereka dengan apa yang telah dikorbankan oleh ibu bapa mereka untuk membesarakan mereka?

Sebenarnya apa yang telah aku perkatakan ini adalah perihal diriku sendiri. Akulah orangnya... Yang lupa akan erti syukur dengan nikmat yang telah Allah SWT kurniakan kepada aku. Aku berasa sangat sedih. Semuanya kerana setelah tertangkapnya aku oleh pihak berkuasa. Aku didapati bersalah di bawah seksyen 41 (1) APJ kerana memandu dengan cuai sehingga menyebabkan kematian.




Ketaghanku terhadap gejala merempit membuaik-buak tambahan pula aku sangat terdesak memerlukan duit. Ini kerana telah banyak wang yang aku pinjam semata-mata untuk *up grade* motosikalku agar tampak hebat dan laju. Impaknya, aku sendiri tidak mampu untuk membayar kembali duit pinjaman tersebut. Jalan terakhir, aku terpaksa menyertai beberapa siri perlumbaan haram yang lebih mencabar dan menjanjikan pulangan yang lebih lumayan. Ketika itu, aku langsung tidak memikirkan untuk jangka masa yang lebih panjang. Sehinggalah berlakunya kemalangan yang mengakibatkan kematian. Aku tertewas dan disoal siasat oleh pihak berkuasa.

Setelah aku didapati bersalah aku telah ditahan di dalam penjara. Di sinilah aku mula dibentuk semula. Aku diberikan asas agama oleh Ustaz Hairul (bukan nama sebenar), salah seorang tenaga pengajar yang dihantar oleh pihak JAKIM. Aku juga dibimbing oleh beberapa pegawai penjara dan pegawai kaunseling untuk memulihkan semangatku yang telah luntur.

Aku dibimbing dan diberi tunjuk ajar tentang disiplin diri, nasihat serta motivasi agar aku mendapat kekuatan diri sepanjang menjalani hukuman di penjara. Aku juga mendapat dorongan daripada teman-teman sebilikku yang juga menjalani hukuman di situ.

Tidak dinafikan, ada masanya aku mengalami tekanan yang amat dahsyat. Aku bertambah tertekan lagi apabila mengenang kecacatan yang aku alami. Aku rasakan seolah-olah dunia sedang mentertawakan aku. Kaki kananku hampir hancur akibat kemalangan yang menimpa diriku. Motosikal yang aku tunggang, terputus dua. Argh... Tidak sanggup lagi untuk aku menceritakan kisah duka dan perit itu. Sungguh! Aku tidak sanggup untuk mengenangkannya kembali... Ya Allah, berikanlah kekuatan kepada aku!

Aku terasa bersalah yang amat sangat! Sewaktu kemalangan berlaku, tiga rakanku yang sedang berlumba telah maut. Kecelakaan itu membuatkan aku berasa sangat pilu. Aku banyak belajar dan memperbanyakkan sujud ke hadrat Allah SWT, agar diampunkan dosa-dosaku dan rakanku yang lain. Sesudah selesai solat, aku pasti akan menghadiahkan surah al-Fatihah buat mereka... **SR**



TOLERANSI

DALAM BERAGAMA

MOHAMAD FADZIL AWANG

Mahasiswa Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)

Agama Islam adalah agama yang sangat menjunjung tinggi keadilan. Begitu juga Islam melarang sekeras-kerasnya umatnya melakukan kezaliman terhadap penganut agama lain. Rasulullah SAW sendiri mendidik umatnya untuk menghormati dan meraikan insan yang berbeza bangsa maupun agama. Contoh dan tauladan yang ditonjolkan oleh Baginda SAW sendiri tidak pernah memusuhi maupun menzalimi kaum Yahudi dan Nasrani yang tinggal di Kota Madinah. Perbezaan agama bukan alasan munasabah untuk umat Islam menafikan hak-hak masyarakat bukan Islam di bawah tumpuk pemerintahan Islam. Firman Allah SWT yang bermaksud: **“Janganlah kamu mencerca benda-benda yang disembah mereka yang lain daripada Allah, kerana mereka kelak akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. Demikianlah Kami memperelok pada pandangan setiap umat akan amal perbuatan mereka. Kemudian kepada Tuhan mereka kalah tempat kembali mereka, lalu Dia menerangkan kepada mereka apa yang telah dilakukan oleh mereka.”** (al-An'am : 108).

Malaysia merupakan sebuah negara yang memiliki keunikan dalam kepelbagaiannya latar budaya dan agama masyarakatnya. Sungguhpun telah disebut dalam Perkara 3(1) Perlumbagaan Persekutuan, telah menyatakan kedudukan agama Islam sebagai agama bagi Persekutuan, tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman

dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan. Hal ini bermaksud agama Islam telah diberikan kedudukan tinggi dalam Perlumbagaan Persekutuan, namun agama lain juga boleh diamalkan dan dianuti oleh penduduk Malaysia.

Kedudukan tinggi agama Islam dalam Perlumbagaan Persekutuan bukan bermaksud masyarakat Islam dibenarkan untuk menghina atau mencaci dengan sesuka hati terhadap penganut agama lain. Walaupun agama lain tidak disebut secara khusus dalam Perlumbagaan Persekutuan, namun hak mereka sebagai rakyat Malaysia harus dijaga dari dicemari oleh pihak tertentu. Berlakunya perbezaan agama bukan alasan munasabah untuk masyarakat Islam menafikan hak mereka sebagai rakyat Malaysia.

Renung sejenak, kisah Rasulullah SAW memberi makan kepada seorang pengemis Yahudi yang buta di sudut pasar Madinah al-Munawarah.





Setiap hari Baginda SAW datang kepada pengemis tersebut untuk memberinya makan dan pada waktu yang sama pengemis tersebut tidak berhenti-henti menghina dan mencaci Baginda SAW. Dalam keadaan sedemikian, Baginda SAW tetap mendatanginya setiap hari untuk memberinya makanan dan tanpa berkata walau sepatah kata pun kepada pengemis tersebut.

Kisah ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW sendiri menyantuni penganut agama lain dan tidak menafikan hak mereka sebagai penduduk Kota Madinah walaupun Baginda SAW dicaci dan difitnah oleh mereka. Baginda SAW tetap bertoleransi terhadap penduduk bukan Islam Kota Madinah. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: ***"Ketahuilah! sesiapa yang menzalimi mu'ahid (rakyat non-Muslim) ataupun mengurangkan haknya, ataupun membebankannya di luar kemampuannya, ataupun mengambil sesuatu (hak) daripadanya tanpa kerelaannya, maka aku menjadi penentang sesiapayang berbuat demikian itu pada Hari Kiamat."***(Riwayat Abu Daud).

Menerusi hadith ini Nabi Muhammad SAW memberi amaran kepada sesiapa yang melakukan segala bentuk penindasan kepada warga bukan Islam yang berada di bawah pentadbiran Islam. Baginda SAW memberikan jaminan kepada mereka yang bukan Islam yang tertindas itu bahawa Baginda SAW sendiri akan berhujah menentang Muslim yang zalim pada Hari Kiamat kelak. Demikian indahnya keadilan Tuhan yang dinyatakan oleh Islam. Keadilan yang tidak merentas sempadan agama, kaum, puak dan segala sempadan kehidupan.

Oleh yang demikian, wajar bagi masyarakat Islam khususnya di Malaysia menghormati dan menyantuni penduduk bukan Islam. Setiap Muslim hendaklah bermuamalat dengan baik kepada bukan Islam serta menunjukkan akhlak

yang mulia. Tidak kira sama ada dalam urusan jual beli, pekerjaan, perniagaan dan urusan muamalat lainnya. Firman Allah SWT yang bermaksud: ***"Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu) dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil."*** (al-Mumtahanah : 8).

Sejak akhir-akhir ini, umat Islam telah didampakkan dengan fitnah mengenai ajaran yang menjurus kepada ajaran ke ganasan. Jika diteliti secara menyeluruh, perkara ini berhubungkait dengan kewujudan Kumpulan Militan Negara Islam (IS) yang menggunakan nama Islam yang kononnya untuk berjihad. Kewujudan kumpulan sedemikian telah mencemarkan nama Islam yang cukup dikenali sebagai agama yang menjunjung tinggi kedamaian.

Tanpa disedari perkara ini telah memberi kesan mendalam kepada umat Islam seluruh dunia. Sesetengah negara Barat telah melabel umat Islam sebagai penganas sehingga ada sesetengahnya mengharamkan kemasukan umat Islam ke negara mereka. Hakikatnya, ajaran Islam bukan seperti yang didakwa sedemikian. Islam sentiasa mengajar umatnya untuk menjunjung tinggi toleransi dalam beragama.

Kunci kepada penyelesaian konflik ini adalah terletak kepada sikap umat Islam itu sendiri. Segelintir umat Islam gagal mengaplikasikan ajaran Islam sebenar yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Di Malaysia sendiri, isu perbezaan agama menjadi isu yang polemik sehingga isu ini seperti tidak ada jalan penyelesaiannya. Jika semua umat Islam khususnya di Malaysia mengamalkan sikap toleransi dalam beragama, sudah pasti ia akan memberi kesan kepada penerimaan masyarakat bukan Islam terhadap keindahan ajaran Islam

yang sebenar sekali gus menjamin kejayaan dakwah Islamiyah.

Kesimpulannya, kita sebagai umat Islam yang menjunjung tinggi ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW, iaitu Islam seharusnya mengamalkan sikap toleransi dalam beragama. Jangan kerana wujudnya perbezaan agama, kita mengasingkan mereka dan menafikan hak-hak mereka dalam negara. Islam agama yang indah, mencintai kedamaian dan kasih sayang sesama manusia tanpa mengira perbezaan agama dan bangsa. Demi merealisasikan sebuah negara Islam yang mengamalkan ajaran Islam yang sebenar, masyarakat Islam di negara ini perlu sentiasa bertoleransi dengan penganut agama lain.

Firman Allah SWT yang bermaksud: "**Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan. Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenalan (beramah mesra antara satu sama lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).**" (al-Hujurat: 13). SR





Ada Apa dengan Sedekah?

SURI NOR ERZA SAIDIN

Mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Ramai yang beranggapan bahawa sedekah hanya mengeluarkan sejumlah wang ataupun harta untuk diberikan kepada individu yang tidak berkemampuan. Anggapan ini boleh disimpulkan bahawa orang yang kaya dan mempunyai harta sahaja yang boleh berbuat sedemikian. Manakala, golongan yang miskin dan tidak memiliki harta tidak mampu untuk melakukan perbuatan yang mulia itu. Ini menimbulkan masalah bagi orang Islam pada zaman ini. Mereka akan menganggap sedekah hanyalah pemberian orang kaya terhadap orang yang miskin. Hal ini kerana, mereka tidak mendalami maksud sedekah itu sendiri secara terperinci.

Makna sedekah

Sudah sedia maklum bahawa sedekah berasal daripada perkataan Bahasa Arab yang bermaksud: *Sesuatu pemberian seseorang kepada orang lain secara sukarela dan ikhlas tanpa dibatasi waktu dan jumlah yang tertentu*. Secara meluasnya pula, ia termasuk dalam amalan yang bersifat sosial (*al-muta'ddiyah*) iaitu kesan daripada sedekah itu tidak hanya dirasakan oleh orang yang melakukannya, namun turut dirasai oleh orang ramai. Sedekah juga bukan sahaja berupa harta, tetapi juga kudrat diri atau sedekah ini lebih kepada perbuatan ibadah. Sepertimana Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: ***"Bagaimana kalau dia tidak memiliki sesuatu?"*** Nabi SAW menjawab: ***"Bekerja dengan keterampilan tangannya untuk kemanfaatan bagi dirinya lalu bersedekah."*** Mereka bertanya lagi. ***"Bagaimana kalau dia tidak mampu?"*** Nabi SAW menjawab: ***"Menolong orang yang***

memerlukan dan yang sedang teraniaya." Mereka bertanya: ***"Bagaimana kalau dia tidak melakukannya?"*** Nabi SAW menjawab: ***"Menyuruhnya melakukan perkara ma'ruf."*** Mereka bertanya: ***"Bagaimana kalau dia tidak melakukannya?"*** Nabi SAW menjawab: ***"Mencegah diri dari berbuat kejahanatan itulah sedekah."*** (Riwayat Bukhari dan Muslim). Rentetan daripada hadith tersebut, Rasulullah SAW secara langsung telah menyatakan makna sedekah secara menyeluruh.

Jenis-jenis sedekah

Ramai yang tidak mengetahui bahawa sedekah bukan hanya sekadar mengeluarkan sejumlah wang ataupun harta untuk disedekahkan, malahan pelbagai jenis sedekah yang mampu kita hulurkan bagi mendapat keredhaan Allah SWT. Antara jenis-jenis sedekah yang disarankan oleh Rasulullah SAW kepada kita:

- ✿ Mendamaikan orang yang bersengketa. Pada akhir zaman sebegini, pelbagai persengketaan yang berlaku sesama umat Islam itu sendiri. Bermula daripada hasad dengki, percakapan yang menyakitkan hati, cemburu dan sebagainya akan berubahlah menjadi pergaduhan dan persengketaan yang boleh memutuskan tali persaudaraan sesama Muslim. Ia juga dapat menimbulkan kes kematian sekiranya pergaduhan itu berlarutan tanpa ada tolak ansur sesama mereka. Hal ini sering berlaku kerana sikap orang di sekeliling yang tidak bertanggungjawab untuk membanteras dan

mendamaikan persengketaan tersebut. Pada zaman sekarang, manusia lebih suka untuk menyaksikan dan menyorokkan diri mereka sendiri daripada terlibat dalam hal yang sedemikian. Sedangkan hal yang tersebut merupakan amalan yang boleh menjadi bekalan untuk kita di akhirat sana.

- ❖ “Ringan tetapi berat”. “Ringan tetapi berat” yang dikatakan ini adalah membantu orang lain ataupun meringankan beban orang lain. Hal ini sememangnya kita akan memandang enteng dan ringan, malah amat sukar untuk kita melakukannya. akan tetapi hal yang kita merasa berat ini jualah yang akan membantu kita suatu hari nanti. *“Membantu orang bukannya susah pun.”* Itulah percakapan yang sering didengari. Kebanyakan manusia sekarang lebih banyak berkata-kata daripada perbuatan. Ya! Memang mudah apabila berkata-kata, tetapi mudahkanlah juga untuk melakukannya. Sebagai contoh, sekiranya kita dalam suatu perjalanan dan kita ternampak duri, batang kayu ataupun sesuatu yang boleh mengganggu dan menghalang perjalanan seseorang daripada menggunakan jalan tersebut, tidaklah salah jika kita mengalihkan dan membuang halangan tersebut dari jalan itu. Ia akan memudahkan perjalanan dan boleh mengelakkan daripada berlakunya kemalangan. Begitu juga sekiranya kita membantu orang lain mengangkat barang bawaannya. Hal ini boleh meringankan beban yang di bawanya dan itu juga sudah dianggap sebagai sedekah. Selain itu, ziarah-menziarahi, senyuman dan pergerakan kita menuju ke tempat beribadah juga merupakan sedekah.

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: **“Setiap anggota badan manusia diwajibkan bersedekah setiap harinya selama matahari masih terbit. Kamu mendamaikan antara dua orang yang berselisih adalah sedekah. Kamu menolong seseorang naik ke atas kenderaannya atau mengangkat barang bawaannya ke atas kenderaannya adalah sedekah. Setiap langkah kakimu menuju ke tempat solat juga dihitung sedekah dan menyingsirkan duri dari jalan adalah sedekah.”** (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Kenapa sukar untuk bersedekah?

Kebanyakan orang takut untuk bersedekah kerana memikirkan pemberiannya yang akan sia-sia dan pemberian yang mendatangkan kerugian terhadap masa depannya. Pemikiran sebeginilah yang mengganggu dan menghalang seseorang daripada melakukannya. Sedangkan dterangkan menerusi al-Qur'an bahawa perbuatan sedekah ini





boleh mengundang rezeki yang melimpah-ruah dan ganjaran yang tidak terhingga. Firman Allah SWT yang bermaksud: ***“Bandingan derma orang yang membelanjakan hartanya untuk jalan Allah ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai. Setiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. (Ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya”*** (al-Baqarah :261).

Jika kita mengamati ayat-ayat al-Qur'an berikut, kita akan mengetahui bahawa setiap harta yang kita keluarkan untuk jalan Allah SWT akan dibalas lebih 700 kali ganda. Tidak ada alasan lagi untuk kita tidak bersedekah. Pelbagai kelebihan yang akan kita kecapi sesudah bersedekah. Tetapi hendaklah kita berlapang dada dan mengikhlaskan hati supaya setiap amalan yang kita lakukan itu bukanlah semata-mata mengharapkan balasan.

Kelebihan bersedekah

Antara kelebihan bersedekah ialah dapat menolak bala sebagaimana Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: ***“Bersegeralah bersedekah, sebab bala bencana tidak pernah boleh mendahului sedekah.”*** (Riwayat Bukhari).

Tambahan lagi, ia juga dapat menyembuhkan penyakit. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: ***“Ubatilah orang sakit di antara kamu dengan bersedekah.”*** (Riwayat Abu Dawud).

Selain itu, sedekah dapat menunda kematian dan memanjangkan umur. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: ***“Sesungguhnya sedekah seseorang Muslim itu memanjangkan umur dan mencegah dari mati dalam keadaan buruk. Allah SWT pula menghapuskan sikap sombang dan membangga diri si penderma dengan sebab sedekahnya”*** (Riwayat at-Tabrani).

Membunyikan sedekah

Seperti yang kita lihat, ada sesetengah orang yang mengemaskinikan statusnya di laman sosial untuk memberitahu satu dunia perihal sedekah yang

dilakukannya. Ia tidak salah untuk diberitahu dan dikongsi kerana jika menampakkan sedekah kita, maka itu adalah perbuatan yang baik. Akan tetapi sikap menunjuk-nunjuk supaya dirinya disegani ramai orang dan dipandang hebat di mata manusia itu adalah salah.

Cukuplah kita bersedekah dan tidak perlulah kita menghebahkan sesuatu kebaikan yang kita lakukan itu menerusi media sosial kerana tujuan utama kita adalah bersedekah, untuk Allah SWT semata-mata. Seeloknya-elok kita merahsiakan sahaja sedekah ataupun pemberian yang kita lakukan itu. Hal ini dapat menjauahkan kita dari fitnah dunia dan Allah SWT juga akan menghapuskan sebahagian kesalahan yang kita telah lakukan. Cukuplah Allah SWT sahaja mengetahui niat utama kita supaya kita terpelihara daripada fitnah dunia.

Firman Allah SWT yang bermaksud: ***“Kalau kamu menzahirkan sedekah-sedekah itu (secara terang), maka demikian adalah baik (kerana menjadi contoh yang baik). Kalau pula kamu menyembunyikan sedekah-sedekah itu, serta kamu memberikan kepada orang fakir miskin, maka itu adalah baik bagi kamu. Allah akan menghapuskan sebahagian daripada kesalahan kamu. (Ingatlah), Allah Maha Mengetahui secara mendalam segala perbuatan yang kamu lakukan.”*** (al-Baqarah: 271).

Kesimpulan:

Menyembunyikan sedekah adalah lebih baik daripada terang-terangan. Kita hendaklah bersedekah dan merahsiakannya sehingga tangan kiri tidak mengetahui apa yang diinfakkan oleh tangan kanan. Ibadah tersebut dapat membantu kita dalam mencapai rahmat-Nya, serta kita akan dinaungi oleh-Nya kelak. **SR**

عاقبة فربوتن مبواڭ سمهه كدالم لو عكش، سوغاي اتاو يع دلوغۇكىن دتىقى ۲ جالن، تىدق مغاسىعكىن باهن ۲ ترچمر اتاو بارغ ۲ يع بولىھ دكىر سمولە، ملاکوكىن قىمباكرن تربوک اتاو ساۋىمقامان، مېرى إيمەك نىكاتىف كەدد كوالىتىي كصىختىن ايندىزىدو، كلوارنى دان مشاركت سرتا منجىسىكىن ايكو-سيستم عالم سكىر.

سيكىف بوروق اين جوڭ اكن منچىركىن كاوىن ۋەرسكىرتن رومە دان منجادى تىقتى قىمىاپىكىن پاموق ئىدىس، منولىرىن وابق ۋاپىتى بىر جىشكىت سەرقىي دەم دېيىڭى، زىكا، مالاريا، طاعون، ۋاپىتى باواعەن تىكوس، لالت اتاو حيوان كوتور دان سباڭاڭىش. لېيە مالۇغ، كچوائىن دان كڭاڭالن كىت مغۇروس سيسا ۋەچىل مېپىكىن بىن كأواغانن كىت منىعىكت اوئىتىق مبایير بىل راوتىن يع تىعىڭى. مانكالا نىكارا قۇلا ترەقىسا مەفرۇأونتوقكىن كوس جوتان رىيغىكتى اوئىتىق مۇلىھارا ايكو-سيستم عالم سكىر، منمۇقۇغ كوس ۋەرگىن رعىت، مەنتاۋ كەمۈڭىكىن بىرلاڭو مصىبە بنجىر كىلت، تانە رونتوھ سرتا بىر باڭا يى مىسئىلە منداتىغ يع فەرلۇ دېيىكىر كىن دان دىلسايىكىن.

كىسيمۇلنىڭ، كصىختىن توبوه بادن اداھە سالە ساتو نعمت الله سبحانه وتعالى يع ساغت بىرىغ واجب كىت شكورى دان ۋەلىھارا. دەن نعمت اين، دافتله كىت منونايكىن أمانە دان تەڭنۇغۇ جواب كىت سباڭاڭى هەمبا دان خىلیفە الله دەن سەقۇرنا دان سلىسا دىمىقىغ منجامىن كەلەسۈغۇن ھيدوۋ يع صىخت سرتا مىستىكىن كسجهتارأن أو مت.

كەھيدوۋەن سباڭاڭى ساۋارغ مسلم دان موءمين. دالم كونتىك سىنچاڭا ئەن عالم سكىر قۇلا، إسلام مندىدىك أو مەن باڭا يەن اوئىتىق مغۇروس سيسا ۋەچىل يع عمومىن دىسبۇت سباڭاڭى سمهه سرتا اف ۲ باهن يع تىدق دكەندەقكى اوئىتىق دبواڭ اتاو دلوفوسكىن سەرقىي سيسا ماڭىن، ۋەلاستىك، كىنە، سيسا تامن، كرتس، بىي بوروق، تىكىستىل، كاچ دان سباڭاڭىش.

مېدارىي كەشتىيەن ئىسو اين، مك كراجان ملا لوعى كەمنتىيان كسجهتارأن بىندر، ۋەرمەن دان كراجان تىقىن (KPKT) مەممىل ئەينىسىياتىف منوبەكىن ۋەربادنەن ۋەروروسن سيسا ۋەچىل دان قىمىرسىھەن عوام چى ۱ جون ۲۰۰۸ ياءيت Solid Waste Corporation (SWCorp) باڭىي منجاياكىن داسىر ۋەروروسن سيسا ۋەچىل نىكارا. سچارا عامش، داسىر اين بىر توجوان موجودكىن سىستەم ۋەروروسن سيسا ۋەچىل يع مېلۇرۇھ، بىر سقادۇ، كوس يع ئەفيكىتىف دان لىستارىي باڭىي منوھىي تونتۇن مشاركت يع مەرلۇك دان مەنتىعەكىن قەمۇلىھارأن عالم سكىر دان كسجهتارأن عوام.

سلاەين درىد مىستىكىن ۋەروروسن سيسا ۋەچىل يع لېيە ئەفيسين دان مېرىكىن كەۋاپسىن ۋەرخەدىمەن يع لېيە بايىق كەد ۋەتكۈنە، ۋېھق ۋەربادنەن اتاو (SWCorp) جوڭ برەزان منجالانلىكىن ۋەرخەرام كىت سمولە سباڭاڭىي اكتىۋىتى تىرىش. چى ماس سام، مشاركت جوڭ دەتونتۇت سوۋاچىي مەعيىي كەھەن دان كىسىر دالم ئەسقىك ۋەروروسن سمهه اتاو سيسا ۋەچىل دان عەمالن كىت سمولە دەتاھەف يع سقاتۇش.

هەر ئىمپارىي دەشەن مۇھەممەد ئىمپارىي عالم

اولاھن: ازورا بنت ابراهيم
قۇلۇغ ۋەكىاواي حال إحوال إسلام

رياليتىن، اومنىي سالىع مەرلوکن دان بركتۇغ كەند سومېر عالم اوئىتىق كەلغۇشۇن ھيدووف دىنلە ئىن. لىتنىن ايت، قۇغۇرسىن كوالىتى دان ۋەنجاكا ئەن كصىحەتن سومېر عالم سكىتىر ۋە ئىن سرىغ دەترنفورماسى دەشەن ۋەلباكاي اينۇۋاسى دان كتامادونىن مالە بركمىغ ماجو ساپىرىغ دەشەن كچىكىھەن تىكىنلۈنى. كىسن درىق دەلتىن، باپق مىسئلە يەڭىن قىلى دەھداشى بىرگەيەن دەشەن ئىسوسو ۲ گۈلوبال سەرقى قىنىغىكتەن سوھو كفانسان دىنلە، فەنچەرلەن اودارا دان عالم سكىتىر، قىمباڭۇن يەڭىن تىدق ترکاول، بنجىر كىلىت، تانە رونتوھ دان سأومقۇمان يەڭىن منجىسلىك كوالىتى كەھيدووفن، عالم سكىتىر دان كصىحەتن عوام.

سيكىف مۇھەممەد ئىتىف نعمت يەڭىن دەكچاچىي اداھ سالە ساتو ۋەرباتىن يەڭىن دەچىتىتاي أولىيە الله سبىحانە وتعالى سرتا بىرمنقۇغا باڭىي آورغۇ يەڭىن بىرإيمان. نىلاي مورنى ئىن مەروۋاڭن ۋەرباتىن ترقوچى دان منجاء وھەن ۋەرباتىن يەڭىن ترچىلا سباقاىي تىندا كەشكۈرن سسأورغ كەند الله سبىحانە وتعالى. دەسمقىيەت ئىت، القرءان دان السنة جونى تىلە مېرى ساتو ۋەنكانىن يەڭىن سریوس معنائىي ۋەركارا ئىن ئابىيلا مېرى سىتىف مائىسىي اوئىتىق مەشكەن قەملىھاراننى سباقاىي ساتو نعمت الله سبىحانە وتعالى يەڭىن اكۇغۇ. ئىن اداھ كەران ئىسوسو عالم سكىتىر جونى بىر سەشكۈت-ۋەاءوت دەشەن اجرىن توحىد يەڭىن مەشكەبۈشكەن مائىسىي، عالم دان توھن يەڭىن دەتونچىي أولىيە أخلاق يەڭىن مولىيا.

فرسەءالنىڭ، سىجاءوه مانكە كىسىدىن كىت تەھادىف قۇغۇرسىن كوالىتى دان ۋەنجاكا ئەن كصىحەتن عالم سكىتىر ئىن؟. سبىدا نبىي صىلى الله علەيھ وسلم يەڭىن دروایتىكىن أولىيە إمام البخارى دان مسلم مفھومى: "درىق أبو هريرة رضى الله عنھ بەهاوار رسول الله صىلى الله علەيھ وسلم بىرىسىدا: "إيمان ايت مەقۇپايدى ۷۰ اتاو ۶۰ چاپۇ. يەڭىن فالىغ اوتام ايالە اوچاڭن لا إله إلا الله (تىدق اد توھن ملائىكەن الله)، دان يەڭىن فالىغ رىنە ايالە مەبواڭ كەڭكۈوان دجالن، دان مالۇ اداھ سالە ساتو چاپۇ درىي إيمان."

أولىيە يەڭىن دەمكىن، سبارغ ئىسوسو بىر سەشكۈت معنائىي مىسئلە اتاو ۋەنچەرلەن عالم سكىتىر بولىيە دەكتاتاڭن بىر قۇنچا درىق كىتىدەسىمۇرلەن ئەخلاق مائىسىي تەھادىف دەرىيەن، عالم دان توھن. مەندىغۇن كۆنسىف مائىسىي سباقاىي خەلیفة ايت ساغىت بىرت، مك مائىسىي واجب مەلسەنانداكىن مىسىي دان أمانە تەرسىبەت سباعييق موڭكىن. فرمان الله سبىحانە وتعالى دالىم سورە البقرە ايات ۲۲ يەڭىن بىرمىقىصود: "دىالە يەڭىن منجادىكىن بومىي این اوئىتىق كامو سباقاىي ھەمچىن، دان لاغىت (سەرتا سكالا ايسىن) سباقاىي باغۇن (يەڭىن دېبىنا دەشەن كۆكۈھ، دان دەتۈرۈن كەن ائىر ھوجىن درىي لاغىت، لالو دەكلواركىن دەشەن ائىر ايت بىر جىنىس ۲ بواھن ۲ يەڭىن منجادى رزقىي باڭىي كامو) مك جاڭىلە كامو مەۋاداڭن باڭىي الله سبارغ سكوتو، ۋە ئەحال كامو سەموا مۇتاتاھوئى (بەهاوا الله ايالە توھن يەڭىن مەھا اسا).

جلسنى، "مەبواڭ كەڭكۈوان دجالن" ايت مېرى ساتو إشارەت بەهاوا إسلام ايت ساغىت مەنیتىقىرىتكىن سوءال كېرىسىھەن دان كىسلامتن دالىم سەموا أسىقىك

**Adakah anda seorang PENULIS?
Mungkin daripada sini anda akan menjadi penulis terkenal?
Anda ingin CUBA MENULIS?
Anda berhasrat memberi sumbangan dalam Majalah SINAR ROHANI?
Anda boleh menulis daripada sekarang.**

HANTAR TULISAN ANDA SEGERA!!

Bayaran akan dibuat setelah artikel anda diterima dan disiarkan

BORANG SUMBANGAN

Nama :

Sajak

Nama Samaran (Jika ada) :

Pengurusan Islam

Alamat :

Aqidah

Poskod : Negeri :

Isu

No K/P : No. Tel :

Islam dan Semasa

Pekerjaan :

Halal dan Haram

Tahap Pendidikan :

Sains dan Islam

No Akaun :

Cerpen

Bank :

Global

Cawangan :

Muamalat

Tarikh :


Sila yang berkenaan.

**Hantar Sumbangan Anda
ke alamat**

**Pengarang Majalah SINAR ROHANI,
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,
Aras 6, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya,
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3,
62100 Putrajaya
Emel : sinar.islam@1govuc.gov.my**

Jami' At-Tirmizi

Jilid 1



INFO BUKU
ISBN 978-983-042-563-4
Cetakan Pertama: 2015
Bil. Halaman: 510
Harga: RM83.00

Kitab Jami' at-Tirmizi karangan Imam at-Tirmizi merupakan kitab hadith yang menempati kedudukan keempat berbanding *al-Kutub as-Sittah* yang lain iaitu *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Abu Daud*, *Jami' at-Tirmizi*, *Sunan an-Nasa'i* dan *Sunan Ibn Majah*. Antara keistimewaan kitab ini ialah kandungan hadith-hadithnya yang meliputi pelbagai topik dan bidang bukan sahaja terhad kepada hadith-hadith hukum sahaja.

Ia turut memuatkan maklumat perselisihan ulama' mengenai amalan ibadah berdasarkan hadith sama ada daripada sahabat, *tabi'in*, *atba' at-tabi'in* dan ulama' mujahidin, pandangan ulama' terhadap perawi dari sudut *al-Jarh wa at-Ta'dil* dan yang paling penting sekali ialah darjat hadith oleh Imam at-Tirmizi pada sebahagian besar hadithnya.

Melalui kitab ini juga, pembaca didedahkan dengan pendapat Imam asy-Syafi'i mengenai sesuatu amalan ibadah berdasarkan hadith yang dibincangkan. Justeru, ia boleh dijadikan sumber rujukan bagi mengenal pasti pendapat-pendapat Imam asy-Syafi'i dalam sesuatu ibadah.

HUBUNGI KAMI DAN DAPATKAN NASKHAH ANDA DI:

Unit Edaran dan Promosi, Bahagian Penerbitan, JAKIM,
Aras 3, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya,
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3,
62100 Putrajaya.
Tel: 03-8870 7445 / 7446
Emel: promosi.islam@1govue.gov.my

Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin,
Lot. 4, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin,
No. 25, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3,
62100 Putrajaya.
Tel: 03-8890 3669
Emel: kedaibuku.islam@1govue.gov.my